

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN**

KETUA PTJ :

NURHIDAYAH BINTI MUHAMMAD HASHIM

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

MOHAMAD KHAIRUL IZWAN BIN RIFIN

PENULIS :

1. MOHD IZZAT AMSYAR BIN MOHD ARIF
2. NURHIDAYAH BINTI MUHAMMAD HASHIM
3. AMAL HAYATI BINTI ISHAK
4. HAJAR BIN OPIR
5. SITI FATAHIYAH BT. MAHAMOOD
6. MOHD HAPIZ BIN MAHAIYADIN
7. MOHAMMAD MAHYUDDIN BIN KHALID

8. MUHAMMAD SYUKRI BIN MOHD ASHMIR WONG
9. MOHD AFANDI BIN MAT RANI
10. MOHD SOLAHUDDIN BIN SHAHRUDDIN
11. AZRI BIN BHARI
12. NURULAINA BINTI SAIDIN
13. SITI KHADIJAH BINTI AB MANAN
14. KAMARIAH BINTI YUSOFF
15. MARDHIYYAH BINTI SAHRI
16. NURUL'AIN BINTI MOHD
17. FADZIANI BINTI YAAKUB
18. NADIAH BINTI RAMLAN
19. RAFEAH @ RAPENGAH BINTI SAIDON
20. MOHD FAIZ BIN MOHAMED YUSOF
21. MOHD PAIDI BIN NORMAN
22. ZULAIPA BINTI RUZULAN
23. NOORUL HUDA BINTI SAHARI
24. AZIZON BINTI SALLEH
25. MOHD ZAID BIN DAUD
26. MOHAMAD KHAIRUL IZWAN BIN RIFIN
27. SITI ROSNANI BINTI MOKRI
28. ABD. AZIZ SHARIFUDDIN BIN MD AMIN
29. MUHAMMAD KHALID BIN ABDULLAH
30. NUR HAFIZAH BINTI HARUN
31. SITI FATAHIYAH BT. MAHAMOOD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) ditubuhkan secara rasmi pada 21 Mei 2013 hasil daripada penstrukturan semula Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Pusat pentadbiran utama ACIS bertempat di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, manakala pejabat akademik dan bilik kuliah terletak di Bangunan Cempaka 5 dan Cempaka 4. Pentadbiran ACIS diketuai oleh Dekan dan dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (HEA), Timbalan Dekan Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran). Bermula pada Ogos 2019, berlaku pemisahan entiti di mana Bahagian Zakat, Sedekah & Waqaf dan Bahagian Hal Ehwal Islam dikeluarkan daripada sistem pengurusan ACIS dan diletakkan di bawah Pejabat Naib Canselor. Manakala, pada 15 Disember 2019, berlaku perubahan pucuk pimpinan tertinggi ACIS daripada Prof Dr Muhamad Rahimi Osman kepada Prof Madya Dr Nurhidayah Muhammad Hashim sebagai Dekan ACIS.

Kepimpinan Kanan ACIS melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) bagi memastikan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan ACIS berlangsung dengan lebih baik dan berkesan. Segala keputusan pengurusan ditentukan secara kolektif melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Kepimpinan ACIS juga diperkuatkan dengan sokongan staf akademik dan staf pentadbiran dengan pelaksanaan Sistem 5P Holistik ACIS iaitu perancangan, pelaksanaan, pengukuran, pencapaian dan pemantauan. (Rujuk Lampiran 1.2.1 Bukti 1).

Bagi memastikan semua maklumat penting sampai kepada keseluruhan warga, Kepimpinan Kanan melaksanakan pelbagai metod komunikasi bersama staf. Antaranya adalah mengadakan mesyuarat berkala, perhimpunan jabatan, Pekeliling dan Memo Dekan, surat dan emel termasuklah menggunakan pendekatan Whatsapp rasmi fakulti dan juga aplikasi Google Classroom. Bagi meningkatkan motivasi dan kecemerlangan prestasi perkhidmatan staf, Kepimpinan Kanan sentiasa memberi bimbingan, dorongan, sokongan dan juga penghargaan. Staf yang cemerlang akan dianugerahkan dengan surat penghargaan atas sumbangan masa dan tenaga demi kemajuan ACIS. Manakala kebajikan staf, diberi perhatian dengan menyediakan sumbangan kebajikan melalui Badan Kebajikan ACIS.

Kepimpinan Kanan sentiasa prihatin terhadap perkembangan dan keperluan organisasi dari aspek prasarana dan kemudahan staf. Usaha penaiktarafan Bangunan Cempaka 4 dan Cempaka 5 yang melibatkan pejabat pentadbiran akademik, bilik pensyarah, bilik mesyuarat, bilik pasca siswazah dan bilik kuliah dilaksanakan seperti meletakkan penghawa dingin, perkakasan teknologi sebagai usaha menjaga kebajikan seluruh warga ACIS. Kepimpinan Kanan juga peka terhadap maklumbalas dan aduan yang diterima, di mana maklumbalas dan aduan dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS. Dapatan daripada *UiTM Happiness Index* (UHI) yang disediakan turut diambil kira untuk tujuan penambahbaikan.

Kepimpinan Kanan ACIS sentiasa menggalakkan penghayatan sahsiah mulia, beretika dan mematuhi peraturan, prosedur serta undang-undang universiti kepada semua staf ACIS. Galakan ini bertujuan memupuk persekitaran kerja yang mempunyai nilai murni dan mengikut perundangan universiti. Antara perkara yang sentiasa ditekankan ialah pematuhan kepada integriti, Akta 605 (Tatatertib dan Surcaj), keberadaan serta peraturan Punch Card/ Clock in/out staf. Penyampaian ini diberikan dalam Perhimpunan Bulanan, Program Integriti, Mesyuarat Staf Akademik, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pentadbiran serta mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di ACIS.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fokus ACIS ialah menjadi sebuah akademi tersohor dan pusat rujukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pengajian Islam kontemporari serta pusat perkhidmatan Islam yang efisien. Kepimpinan Kanan ACIS menyusun perancangan strategik dalam mewujudkan jaringan industri bagi memantapkan peranan ACIS serta membantu memenuhi kehendak industri dan pihak berkepentingan.

Kepimpinan Kanan ACIS menggunakan kaedah yang sistematik dalam mencapai keputusan utama secara telus dan kolektif melalui mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Akademik Siswazah (JKAPS) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Rujuk Rajah 1.2.2).

Bagi memastikan maklumat, keputusan utama dan maklumbalas disampaikan dengan tepat, kepimpinan kanan berkomunikasi secara dua hala dan membina hubungan baik dengan staf. Dasar "top to down" dan "down-to top" diamalkan bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran dapat disampaikan dengan jelas dan telus melalui kaedah komunikasi dua hala (Rujuk Rajah 1.2.3 Komunikasi Dua Hala).

SENARAI BUKTI:

1. [LAMPIRAN_Sistem_5P_dan_Rajah_1.2_UPDATED.pdf](#)
2. [Carta_Organisasi_ACIS_2019_Sept_2020.pdf](#)
3. [Ahli_Mesyuarat_Pengurusan_Dalaman_2019.pdf](#)
4. [MOU_MOA_ACIS_2019_2020.pdf](#)
5. [KTP_dan_MASMED_ACIS.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan Kanan ACIS melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dengan meneliti perancangan yang telah ditetapkan oleh CSPI/BTU dengan menfokuskan kepada perancangan ACIS untuk mencapai sasaran (KPI) yang telah ditetapkan. Perbincangan awal diadakan bagi menetapkan pembahagian kumpulan pelaksana/pengurus projek. Kemudian perbincangan secara bulanan diadakan bagi mengenalpasti tahap pencapaian sasaran yang telah dipenuhi. Bagi sasaran yang belum dicapai, maka perbincangan diadakan bagi mencari solusi agar penambahbaikan dilakukan dari masa ke semasa agar sasaran dapat dicapai sebelum hujung tahun.

Bagi memperkukuhkan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan, ACIS berusaha melibatkan semua staf terutama pensyarah bagi merancang jaringan industri dan mengadakan MOU/MOA yang berpotensi bersama industri luar. Taklimat berkaitan tugas staf yang terlibat sebagai "Person In Charge" serta KPI aktiviti telah dilakukan oleh Kepimpinan Kanan ACIS bagi memastikan jaringan industri tersebut dapat dilaksanakan dengan sistematik. Kerjasama antara barisan Kepimpinan Kanan, TD PJI, Koordinator Jaringan dan PIC yang dilantik dilaksanakan dengan baik bagi memastikan aktiviti jaringan dan MOU/ MOA berjaya dilaksanakan dengan cemerlang.

Manakala, bagi keusahawanan ACIS pula, perancangan dan perbincangan diantara Kepimpinan Kanan ACIS dan Koordinator MASMED diadakan bagi mengenalpasti target BTU yang melibatkan keusahawanan ACIS. Usaha digembeleng dengan baik diantara Koordinator MASMED dan pensyarah serta pelajar untuk menjalankan setiap program dan inisiatif sepanjang tahun dengan milestone yang telah ditetapkan. Untuk mencapai setiap sasaran BTU, Koordinator MASMED akan membuat penyelarasan setiap staf dan pelajar yang terlibat di dalam menjayakan program keusahawanan. Koordinator MASMED ACIS akan menyelia setiap program keusahawanan yang dilaksanakan dan memberi laporan kepada Kepimpinan Kanan ACIS.

SENARAI BUKTI :

1. [ACHIEVEMENT OF PERFORMANCE INDICATORS ACIS Q1-Q4 2020.pdf](#)
2. [Achievement ACIS Disember 2019 ACIS.pdf](#)
3. [KUMPULAN PELAKSANA MOU MOA 2019 2020 ACIS.pdf](#)
4. [Laporan_Bengkel Perancangan Strategik_ACIS 2020.pdf](#)
5. [LATEST SEBAHAGIAN LAPORAN ACIS ENTREPRENEURSHIP.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan ACIS sentiasa menitikberatkan pemantauan melalui pelaksanaan SPK yang berkesan. Setiap bahagian, unit, koordinator dan penyelaras bertanggungjawab merangka, melaksana dan menyediakan laporan aktiviti / program. Di antara mekanisme dan pendekatan pemantauan kepimpinan ACIS:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF)
2. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)
3. Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)
4. Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)
5. Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS)
6. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
7. Audit Dalaman
8. Audit InQKA
9. Audit MQA
10. Penilaian Prestasi / SKT

Bagi memastikan komitmen pemantauan ini berterusan, jawatankuasa di peringkat ACIS memastikan perilaku beretika dengan mengambil kira nilai Esi/IDART UiTM dan memastikan pematuhan kepada peraturan UiTM / ACIS.

Antara usaha pemantauan yang dilaksanakan oleh Kepimpinan Kanan ACIS adalah:

- i. Urus setia Latihan memastikan staf ACIS memenuhi 42 jam latihan setahun
- ii. Memperkasakan Unit Kualiti bagi memastikan staf mematuhi prosedur kualiti pengurusan dan PKO serta melaksanakan audit
- iii. Bahagian Pentadbiran ACIS menyelia dan memastikan semua staf membuat akujanji, memastikan staf membuat pengisytiharan harta setiap lima tahun, memastikan pematuhan kepada keberadaan dan kad perakam waktu diketik

SENARAI BUKTI:

1. [PENGUKURAN IMPAK KOLABORASI ACIS BERSAMA INDUSTRI.pdf](#)
2. [Ahli Mesyuarat Pengurusan Dalaman 2019.pdf](#)
3. [AHLI JAF 2020.pdf](#)
4. [Laporan Audit Dalam ACIS 2020.pdf](#)
5. [Peranan Audit Dalam ACIS.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan Kanan ACIS menitikberatkan berkaitan pengurusan risiko di ACIS. Terdapat jawatankuasa Pengurusan Risiko yang ditubuhkan yang bertanggungjawab menguruskan hal ini. Pelan Tindakan Risiko ACIS juga telah dibangunkan. Ianya diwujudkan bagi mengelakkan impak negatif kepada ACIS dalam memastikan kejayaan jaringan industri dan keusahawanan ACIS.

Aspek ketelusan menjadi satu keperluan dalam memberikan keyakinan kepada pihak berkepentingan terutama dalam jaringan industri dan penglibatan aktiviti keusahawanan ACIS. Bagi memastikan tindakan yang diambil berkesan, hubungan erat dan perkongsian maklumat yang lengkap, tepat dan jelas dengan pihak berkepentingan dipraktikkan oleh kepimpinan kanan melalui pelaporan dan pembentangan bagi semua aktiviti yang dilaksanakan dalam mesyuarat tertinggi universiti. Kepimpinan Kanan bertanggungjawab melaporkan kepada Unit Pengurusan Risiko Induk (UPR) sekiranya melibatkan sesuatu isu yang perlu diambil tindakan selanjutnya.

SENARAI BUKTI :

1. [RISIKO JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO.pdf](#)
2. [RISIKO Pelan Tindakan RISIKO ACIS.pdf](#)
3. [RISIKO PENGURUSAN RISIKO MASMED ACIS.pdf](#)
4. [RISIKO LAPORAN KEPERLUAN PENGURUSAN KRISIS DAN PERANCANGAN KESINAMBUNGAN OPERASI UITM.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan ACIS sentiasa melakukan semakan pengukuran pencapaian bagi mengenalpasti tindakan susulan. Pengukuran dibuat berdasarkan analisa pencapaian objektif kualiti semasa, keputusan dalam mesyuarat MKSP dan MPD, laporan aduan dan maklum balas pelanggan dan juga laporan Happiness Index ACIS. Oleh itu, fokus kepada tindakan penambahbaikan bagi mencapai objektif organisasi, menambahbaik pencapaian dan mencapai visi organisasi dilaksanakan melalui tindakan seperti: Pencapaian BTU ACIS, Pengukuran dan penambahbaikan ICAN dan MASMED, Piagam Pelanggan ACIS dan Objektif Kualiti ACIS.

Kepimpinan Kanan ACIS menekankan akauntabiliti dalam tindakan pengurusan melalui tindakan seperti berikut:

- i. Merangka Perancangan Strategik dan melaksanakannya;
- ii. Memastikan setiap staf mempunyai sasaran dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk dicapai setiap tahun;
- iii. Membuat semakan dan tindakan penambahbaikan terhadap sasaran yang tidak memenuhi KPI; dan
- iv. Memaklumkan dan menyebarkan tanggungjawab perkhidmatan melalui brosur, emel, laman sesawang, taklimat program dan mesyuarat di peringkat jabatan/ACIS.

Analisa dan penambahbaikan ini dijadikan panduan oleh Kepimpinan Kanan dan juga staf ACIS agar perancangan seterusnya dapat dimantapkan dan diperkemaskan lagi. Ianya amat penting bagi memastikan pengukuran dapat dibuat dengan sistematik dan relevan serta pencapaian dapat dihasilkan dengan efektif dan efisien. Ini dapat dibuktikan apabila ACIS mencapai Skor 70 bagi tahun 2020 dengan pencapaian yang lebih baik walaupun berdepan dengan pandemik Covid-19.

SENARAI BUKTI :

1. [ACHIEVEMENT OF PERFORMANCE INDICATORS ACIS Q1-Q4 2020.pdf](#)
2. [Achievement ACIS Disember 2019 ACIS.pdf](#)
3. [CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN ICAN DAN MASMED ACIS.pdf](#)
4. [RINGKASAN UHI Akademi Pengajian Islam Kontemporari 2020.pdf](#)
5. [PIAGAM PELANGGAN DAN OBJEKTIF KUALITI ACIS.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan ACIS menggerakkan jabatan melalui penumpuan kepada Sistem 5P Holistik ACIS dan perancangan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak BTU selari dengan transformasi UiTM 2025. Kepimpinan Kanan ACIS juga menggerakkan beberapa inisiatif bagi meningkatkan pencapaian Jaringan Industri dan keusahawanan dalam aspek berikut:

Pembangunan Akademik

- Menawarkan beberapa kursus elektif dan profesional melibatkan keusahawan dan Muamalat untuk pelajar Fakulti Perakaunan yang mengambil ACCA dan CIMA
- Menggalakkan penyelidikan penuh melibatkan bidang keusahawanan dan Muamalat di kalangan pelajar pasca siswazah

Pembangunan Staff

- Meningkatkan bilangan pemegang PhD dan menyokong kajian melibatkan bidang Keusahawanan
- Meningkatkan bilangan penyelidik dan jumlah penyelidikan melibatkan
- Membanyakkan penulisan & penerbitan melibatkan bidang Keusahawanan

Pembangunan Pelajar

- menyokong dan menyelia pelajar mengadakan latihan industri di beberapa syarikat yang mengadakan MoU bersama ACIS
- menyokong dan meluluskan peruntukan fakulti bagi menjayakan program keusahawanan yang dikendalikan oleh Koordinator MASMED

Pembangunan Jaringan Industri & Keusahawanan

- Mengadakan lawatan ke beberapa buah syarikat dan entiti luar untuk membina jaringan industri
- Menggerakkan beberapa usaha menandatangani MOU/MOA dengan industri luar
- Mengadakan perbincangan dengan syarikat dan entiti yang telah mengadakan MoU untuk melaksanakan beberapa program kerjasama dan juga usaha untuk menandatangani MoA yang lebih terfokus .
- Pemerkasaan skop kerja dan peranan Koordinator ICAN dan Koordinator MASMED di ACIS

Bagi memastikan ACIS berjaya mencapai sasaran melibatkan keseluruhan sasaran terutama jaringan dan keusahawanan, Kepimpinan Kanan ACIS telah memberi penghargaan dan pengiktirafan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada staf melalui penghargaan lisan dan dinyatakan dalam mesyuarat atau kenyataan bertulis dalam WhatsApp Group Official. Pada masa sama, bagi memastikan keseluruhan warga ACIS mempunyai semangat kerja yang bersungguh dan terus maju ke hadapan, Kepimpinan Kanan ACIS menganugerahkan geran dalaman pada hujung tahun 2020 sebanyak RM5,000.00 per kumpulan kepada 21 kumpulan penyelidik dalam pelbagai bidang termasuklah melibatkan kajian keusahawanan bersama pihak industri dan juga penyelidik daripada universiti luar. Bagi pensyarah yang berjaya menerbitkan penulisan dalam jurnal berindex Scopus, WoS dan ERA dan penerbitan buku, Kepimpinan Kanan ACIS turut menganugerahkan insentif kewangan sebanyak RM500.00 per artikel dan RM200.00 per Chapter in Book/buku terbitan MAPIM. Semua ini telah menaikkan semangat staf untuk bekerja lebih kuat demi kecemerlangan ACIS

SENARAI BUKTI :

1. [MEMO TO MPD_PECUTAN TERAKHIR ACIS_BTU \(25-10-2020\).pdf](#)
2. [Ringkasan Transformasi UiTM 2025.pdf](#)
3. [MOU MOA ACIS 2019 2020.pdf](#)

4. [LATEST SEBAHAGIAN LAPORAN ACIS ENTREPRENEURSHIP.pdf](#)
5. [Penghargaan INSENTIF ACIS UPDATED.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaporan ini memberi tumpuan kepada penyampaian perancangan yang berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan oleh pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI), ACIS. TDPJI mempunyai perancangan strategik tersendiri yang dirangka untuk tahun 2020-2021, secara berkala supaya ia selari dengan perancangan dan agenda fakulti, universiti dan negara. Perancangan ini berteraskan PS ACIS 2016-2020, Model Hala Tuju Strategik RMK-10 UiTM, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), berserta dengan perancangan dan dasar kerajaan yang lain dan berkaitan. Selain itu turut merujuk Agenda transformasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerusi rangka kerja lima tahun antara 2020 hingga 2025 dikenali sebagai Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) yang menjadi kesinambungan pelan strategik terdahulu, dengan memberi penekanan lebih agresif untuk memperluas jaringan kerjasama di peringkat global.

PS JIK dirangka sebagai sebahagian usaha ACIS untuk menjadikan UiTM universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan dalam tempoh lima tahun akan datang. Perancangan jaringan industri meliputi mobiliti bersama komuniti dan alumni. Perancangan keusahawanan pula mensasarkan lahirnya ramai alumni menjadi entrepreneurs pada tahun 2020 seperti sasaran BTU untuk ACIS. Gerak kerja yang komprehensif antara TDPJI dan juga dibantu oleh Koordinator MASMED adalah salah satu kaedah peneraju bagi memastikan kesemua sasaran yang diletakkan akan dapat dilaksanakan.

Perancangan strategik untuk MASMED difokuskan dalam aspek High-Impact aktiviti, dilaksanakan mengikut kepada perbincangan bersama semua tenaga kerja terlibat, pegawai kanan PTJ dan juga koordinator. Bagi memastikan sasaran perancangan strategik dicapai, segala aktiviti yang dirancang dan yang akan dilaksanakan dipantau secara bulanan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman. Dengan penglibatan semua pihak yang berkaitan, penambahbaikan dapat dilakukan dan diselia dengan baik dan terkawal selaras dengan matlamat yang diletakkan dalam sasaran ACIS.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Objektif dan inisiatif strategik dalam perancangan ini turut meliputi sasaran dalam dan luar UiTM seperti berikut:

- (i) Menggerakkan aktiviti MOU/ MOA kepada yang sedia ada di samping mewujudkan beberapa MOU/MOA baharu yang ada keperluan.
- (ii) Mengukuhkan hubungan dengan pihak alumni bagi memperolehi input percambahan idea kelestarian graduan ACIS dalam pasaran kerjaya.
- (iii) Mencapai jumlah 15 alumni menjadi entrepreneurs pada tahun 2020.

Pencapaian objektif strategik dan inisiatif strategik JIK ini juga dipantau oleh pengurusan ACIS secara bulanan. Inisiatif strategik akan disemak semula dan ditambah jika frekuensi petunjuk prestasi (PI) tidak mencapai sasaran dikehendaki. Risiko ketidakpatuhan terhadap proses ini diminimakan dengan kewujudan borang maklumbalas program dan pembentangan pencapaian semua perancangan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) pada setiap bulan.

SENARAI BUKTI:

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan Jaringan Industri dan keusahawanan ACIS adalah sejajar dengan RMK-11. Perancangan Strategi 2020 hingga 2025 dikenali sebagai Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) dengan sasaran hala tuju strategik untuk menjadi sebuah Universiti Tersohor. Pelaksanaan penyediaan perancangan ini mengambilkira agenda utama ACIS dan sasaran KPI MASMED.

Objektif dan inisiatif strategik ACIS yang dirangka sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) melalui pemantauan berterusan yang dilakukan. Perancangan pelan strategik adalah bagi memastikan matlamat dapat dicapai sekaligus selari dengan RM Ke 11.

SENARAI BUKTI :

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Jaringan Industri dan Keusahawanan dipantau melalui Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri dibantu oleh Koordinator MASMED ACIS. Pemantauan pencapaian objektif dan inisiatif strategik ditentukan oleh pengurusan ACIS melalui siri pemantaun kolektif.

Strategi pemantauan kualiti terhadap program jaringan industri dan keusahawanan ACIS melalui program yang dibuat adalah berbentuk berimpak tinggi (*high impact*) yang dapat memenuhi banyak PI dalam satu program. Bagi memastikan program selari dengan objektif program yang dibuat adalah berdasarkan perancangan awal dan memenuhi kriteria dan standard HEP serta fakulti.

Penyediaan laporan KPI MASMED akan disemak oleh TD HEP dan coordinator sebelum dilaporkan setiap bulan dan bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan kewangan dalam setiap program yang dijalankan, bajet dan keperluan program adalah melalui standard proses meeting tabung rasmi. Segala transaksi dan sumbangan atau tajaan direkodkan.

SENARAI BUKTI:

1. [ICAN BTU.pdf](#)
2. [Laporan_Bengkel Perancangan Strategik_17-18 februarai 2020.pdf](#)
3. [ReDA BTU.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Jaringan Industri dan Keusahawanan merancang sistem pengurusan risiko untuk:

- Memastikan PS boleh mencapai objektif yang dikehendaki;
- Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam jaringan industry dan keusahawanan;
- Mencegah atau mengurangkan kesan risiko yang tidak diingini; dan
- Membuat pemantauan dan penambahbaikan.

Oleh itu, Jaringan Industri dan Keusahawanan mempunyai sistem pengurusan risiko untuk memastikan kecemerlangan UiTM pada peringkat negara dan antarabangsa ini adalah berterusan, meningkat serta tidak terjelas. ACIS telah menjemput auditor terlatih daripada industri untuk menerangkan aspek pengurusan risiko melalui program seperti Bengkel Pengurusan Risiko sejak tahun 2011 lagi.

Proses mengenalpasti dan mengatasi risiko dilakukan secara sistematik dan menyeluruh. Risiko yang dikenalpasti dikategori kepada empat kategori, iaitu risiko pembaziran sumber, risiko ketidakcapaian BTUKPI, Risiko ketidakcukupan tenaga penggerak dan risiko ketidakpatuhan pekeliling dan SOP. Perincian risiko adalah seperti di bawah:

1 Risiko pembaziran sumber

- MASMED memastikan setiap program mempunyai hala tuju dan pencapaian KPI yang spesifik.
- Memastikan tidak ada program yang sama dari segi objektif dan “nature” berulang kali pada satu semester.
- Melamakan tempoh iklan untuk persediaan peserta dan kehadiran yang memuaskan bagi setiap program.
- Membuat program online-based yang murah dan sedikit kos berbanding secara nyata.

2. Risiko ketidakcapaian BTUKPI

- Bengkel strategik dibuat setiap semester.
- Pemantauan dan pertimbangan semula sasaran aktiviti setiap bulan dalam meeting Bersama.

3. Risiko ketidakcukupan tenaga penggerak

Sebagaimana yang diketahui, terdapat kekangan di dalam tenaga penggerak di kalangan pelajar dan staf. Namun beberapa tindakan adalah:

- Memastikan kerjasama antara unit, koordinator di fakulti seperti unit korporat, unit akademik dan unit HEP.
- Setiap pelajar dalam fakulti digalakkan menyertai program, bukan sahaja induk dan persatuan pelajar

4. Risiko ketidakpatuhan pekeliling dan SOP

- Standard pekeliling HEP sentiasa diikuti
- Pegawai pemudahcara HEP En. **Nashwizal** juga sentiasa memantau dan memberi nasihat kepada setiap aktiviti program.
- **Setiap** program perlu mendapat kelulusan sebelum berjalan dan dana yang digunakan adalah diperuntukkan secara jelas melalui tabung khusus, punca kuasa melalui minit meeting.

SENARAI BUKTI :

2.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Jaringan industri dan keusahawana membuat perancangan penambahbaikan perancangan strategiknya secara konsisiten dan mengikut keperluan semasa. Antara Langkah-langkah yang diambil:

- Manual Operasi Standard (SOP) bagi gerak kerja MASMED dijalankan mengikut kerangka HEP pusat jika melibatkan pelajar.
- Mesyuarat dalaman akan dibuat setiap minggu di dalam menyemak laporan, pencapaian, masalah dan trajektori sepanjang satu semester.
- Setiap program akan dinilai Kembali teras objektif dan impak yang dapat dicapai. Jika program tidak mencapai tahap yang memuaskan, minit meeting akan dilaporkan dan Tindakan perancangan seterusnya akan diambil.

SENARAI BUKTI :

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik, Kepimpinan Kanan menggerakkan jabatan melalui pelaksanaan bengkel Perancangan Strategik ACIS 2020- 2025. 2 Siri bengkel telah dilaksanakan iaitu pada 17-18 Februari 2020 (Siri I) di Halaman Shah Alam dan pada 26 Julai 2020 (Siri II) di Hotel UiTM Shah Alam.

Dalam Bengkel Siri 1, para peserta membincangkan aktiviti dan menyelaraskan perancangan untuk mencapai sasaran bagi tahun 2020 dan lima tahun ke hadapan seperti yang telah disasarkan oleh pihak UiTM/BTU. Bengkel ini dilaksanakan bagi membincangkan hala tuju ACIS sepanjang tahun 2020 hingga 2025. Ia juga bagi menggariskan inisiatif yang perlu diwujudkan selaras dengan perancangan strategik universiti.

Seterusnya, peserta bengkel telah dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu di bawah TD PJI, TD HEP dan TD HEA. Setiap kumpulan telah membincangkan inisiatif dan program-program yang bakal diadakan mengikut pelan strategik BTU UiTM. Semua kumpulan bengkel membincangkan projek yang bersesuaian mengikut tema kumpulan masing-masing.

Dalam Bengkel Siri II, pembentangan data PI ACIS 2020 yang telah berjaya mencapai sasaran turut dibentangkan oleh Penyelaras Strategi dan Transformasi Universiti ACIS (PSTU) untuk mengenalpasti sejauh mana pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dibuat dan setakat mana sasaran telah dicapai mengikut PI (Performance Indicator) yang digariskan dalam sasaran strategi ACIS 2020.

Kedua-dua siri bengkel ini memberi impak yang positif bagi kesemua tenaga kerja jabatan untuk memastikan pelan perancangan strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dicapai. Lantikan ketua bagi setiap aktiviti yang dicadangkan (Person Incharge-PIC) yang bertanggungjawab memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jangka masa yang ditetapkan, penetapan milestone dan Gant Chart bagi setiap aktiviti yang akan dilaksanakan.

Dokumen Sokongan: Laporan Bengkel Perancangan Strategik Siri I & Siri II.

SENARAI BUKTI :

1. [Laporan_Bengkel Perancangan Strategik_17-18 februarai 2020.pdf](#)
2. [Laporan_Bengkel Perancangan Strategik Fasa dua_26 Julai 2020.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) memainkan peranan yang sangat signifikan sebagai tapak percambahan ilmu menerusi pengajaran dan penyelidikan dalam bidang muamalat dan pengurusan industri halal. Justeru, ACIS telah memperkukuhkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan industri yang melibatkan pelbagai bentuk kerjasama pintar seperti penyelidikan, penerbitan, aktiviti seminar, konferensi, aktiviti pengkomersilan produk, sidang dialog ACIS-Industri, latihan, penajaan sehingga kepada pembangunan reka-bentuk kurikulum. Ini bagi memastikan ACIS sentiasa menyediakan program yang lebih relevan dan responsif bagi membolehkan ACIS bergerak seiring dengan keperluan industri terutama dalam bidang kewangan Islam dan Muamalat serta bidang Pengurusan industri Halal.

Selari dan sejajar dengan misi dan visi Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berhasrat untuk menjadi sebuah universiti yang terunggul di rantau ini dan di peringkat dunia, maka ACIS telah merangka inisiatif dengan mengadakan kolaborasi bersama rakan strategik industri untuk dimanfaatkan secara bersama dalam pelbagai bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), penerbitan, jaringan,.

Usaha ini perlu dipergiat dengan memperkukuhkan jalinan kerjasama dan kolaborasi antara ACIS bersama industri. ACIS lebih proaktif mewujudkan kerjasama strategik atau kolaborasi bersama industri di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Bagi memperkasakan lagi kolaborasi ACIS di persada dunia, ACIS telah merangka Pelan Jaringan ACIS-Industri bagi memenuhi KPI fakulti dan KPI Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Secara umumnya, antara kerjasama yang dilaksanakan antara ACIS dan industri adalah melibatkan:

- Latihan-latihan dan pembangunan modal insan pelajar dengan industri;
- Latihan industri serta pembangunan staf melalui kerjasama seperti sangkutan industri, konferensi, seminar dan bengkel;
- Perundingan – nasihat teknikal;
- Penyelidikan dan pembangunan produk dan teknologi bersama pihak industri;
- Pengkomersilan harta intelek universiti atau harta intelek bersama.

Antara cadangan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam memantapkan lagi bahagian ICAN – ACIS adalah seperti berikut:

- Ø Penglibatan semua pihak / pensyarah dalam aktiviti yang telah dirangka dalam MOU / MOA sepanjang tahun secara sinergi bagi mencapai KPI ACIS.
- Ø Keperluan team work / kerjasama ahli bersama ketua (PIC) yang dilantik untuk melaksanakan aktiviti MOU/ MOA.
- Ø Melaksanakan perancangan pada awal tahun demi kelancaran program sepanjang tahun 2020 berdasarkan kepada objektif dan keperluan KPI fakulti.
- Ø Melaksanakan pelaporan bagi setiap aktiviti yang dijalankan berdasarkan kepada format yang disediakan oleh bahagian ICAN-ACIS.
- Ø Mengenalpasti kebolehpencapaian cemerlang fakulti melalui pengukuran Bahagian Transformasi Universiti.
- Ø Menambahkan aktiviti penajaan kewangan kepada fakulti bersama industri.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Piagam pelanggan ACIS adalah untuk menawarkan perkhidmatan yang berkualiti, beretika dan berintegriti dan berjanji bahawa:

1. Semua kemudahan asas pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan persekitaran memenuhi keperluan MQA, KPT dan badan-badan profesional;
2. Semua program akademik diluluskan, diurus dan ditadbir mengikut peraturan dan prosuder Universiti;
3. Semua kelulusan akademik diiktiraf oleh kerajaan serta menepati keperluan industri dan badan profesional yang berkaitan;
4. Semua pengijazahan diberi dalam tempoh yang ditetapkan setelah memenuhi semua syarat;
5. Semua pencapaian cemerlang dikenal pasti dan dianugerahkan setiap tahun;
6. Semua cadangan dan aduan rasmi diambil tindakan dalam tempoh 1 minggu;
7. Sentiasa bersedia memberi khidmat bakti kepada masyarakat dan;
8. Sentiasa memberi layanan mesra dan profesional.

ACIS akan memberikan perkhidmatan mengikut piagam pelanggan seperti yang diamalkan oleh Pusat Tanggungjawab Fakulti, Kampus Negeri, Bahagian, Institut, Pusat dan Unit.

Tanggungjawab Pelanggan:

Untuk membolehkan ACIS melaksanakan Piagam ini dengan cekap dan berkesan, Pelanggan hendaklah:

1. Memahami segala hak pelanggan dalam piagam ini.
2. Mematuhi segala undang-undang, arahan, peraturan dan garis panduan yang berkaitan.
3. Menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab.

Pelanggan ACIS adalah terdiri daripada agensi kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta, yayasan atau mana-mana organisasi sama ada di dalam atau luar negara, meliputi organisasi Bukan Kerajaan [Non-Governmental Organisation (NGO)] dan Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan (non-profit organisation).

ACIS menggunakan beberapa pendekatan untuk menjalinkan kolaborasi dan kerjasama. Antaranya ialah:

1. Mengenalpasti industri/ institusi yang mempunyai kepentingan bersama dengan ACIS.
2. Mengadakan kunjungan hormat/ lawatan kerja ke setiap industri/ institusi yang mempunyai kesesuaian dengan program akademik yang ditawarkan di ACIS;
3. Mengadakan aktiviti berimpak yang memberi nilai tambah secara usahasama dengan industri/ institusi sebelum mengadakan jaringan MOU/MOA;
4. Mempromosi kepakaran dan kemahiran kakitangan ACIS kepada industri/ institusi melalui

media massa, media cetak, media elektronik, penerbitan akademik dan lain-lain;

5. Mempelbagaikan program dan aktiviti ketampakan UiTM-ACIS sebagai peneraju Pengajian Islam Kontemporari.

6. Meningkatkan peranan alumni ACIS dengan menjalinkan kerjasama bersama Alumni yang kini berada dalam pelbagai sektor seperti sektor awam, korporat, industri, atau menjawat jawatan utama dalam syarikat-syarikat utama dalam negara.

SENARAI BUKTI:

1. [ACIS Piagam Pelanggan.pdf](#)
2. [MOU-MOA ACIS.docx.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

- a) Setiap program/ aktiviti Pusat Jaringan Industri akan membuat pelaporan berasaskan kepada format yang telah disediakan oleh PJI-ACIS melalui sistem SMART.
- b) Mesyuarat berkala bersama PIC yang terlibat dalam pelaksanaan program/ aktiviti MOU-MOA bagi mendapatkan maklumat terkini agar semua perancangan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- c) Koordinator Pusat Jaringan Industri ACIS membuat pelaporan penuh kepada pengurusan ACIS (Timbalan Dekan Pusat Jaringan Industri (PDPJI) status/perkembangan kerjasama dengan pihak industri melalui Mesyuarat Pentadbiran Fakulti (MPD) yang diadakan setiap akhir bulan.
- d) Pelantikan penyelaras Bahagian Transformasi Universiti yang sentiasa mengemaskini data yang terhasil daripada jaringan industri MOU/MOA dan program yang dilaksanakan
- e) Pusat Jaringan Industri akan membuat membuat analisa keberkesanan aktiviti kerjasama dengan industri dengan menggunakan borang kajian kepuasan pelanggan industri. Borang ini diedarkan kepada industri sebaik selesai sesuatu program/projek dan analisa keberkesanan kerjasama UiTM dan Industri dapat dinilai dengan melihat tahap kepuasan industri terhadap perkhidmatan yang diberikan.
- f) Laporan pemakluman, data dapatan industri dan hasil mesyuarat dimuatkan dalam Google Drive untuk rujukan semua pihak PJI ACIS

SENARAI BUKTI :

1. [PENGUKURAN IMPAK KOLABORASI ACIS BERSAMA INDUSTRI.pdf](#)
2. [LAPORAN_PENUH_AKTIVITI_DAN_PENCAPAIAN_ICAN_2020_compressed.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Antara bentuk kerjasama / kebaikan dan manfaat yang boleh dijalankan antara ACIS dan industri ialah:

a) Penyelidikan dan Inovasi / Penerbitan / Konsultasi

- Pihak pensyarah umumnya adalah penyelidik dan berminat menjalankan kajian yang membina kepakaran bidang. Manakala pihak industri pula memerlukan dapatan kajian yang cepat dan pantas. Justeru, kerjasama ini boleh menjadi platform bersama untuk penyelidikan dan inovasi, penerbitan serta konsultasi bagi menghasilkan sesuatu produk pengkomersialan, selain penyelesaian kepada beberapa permasalahan semasa, sekali gus menjimatkan kos bagi khidmat runding.

b) Aktiviti program

- Usahasama melibatkan pengendalian program seminar, konferen, syarahan dan penggunaan fasiliti untuk manfaat bersama.

- Pelajar, pensyarah dan warga ACIS dapat memanfaatkan program yang dilaksanakan oleh pihak industri melalui program kerjasama kedua pihak.

c) Jaringan Pembangunan Kepakaran dan Kebolehpasaran

- Warga kerja akademik dan industri boleh menjalani penempatan bersilang atau mobiliti kerjaya bagi mendalami kepakaran, mempertingkatkan keberhasilan dan mencontohi budaya prestasi tinggi antara dua lapangan yang berbeza dari segi teori dan praktikal. Industri bergantung kepada kepakaran di universiti bagi inovasi produk mereka, manakala pihak universiti pula meraih reputasi tinggi menerusi peningkatan jumlah dana dan bidang penyelidikan.

- Pihak universiti boleh melantik panel penasihat industri bagi memberi input yang terkini bagi memberi pandangan industri dalam mewujudkan kesejajaran antara industri dan universiti.

- Menjalinkan kerjasama kepakaran antara industri dan universiti dalam semua bidang bagi memenuhi keperluan semasa universiti dan industri.

- Penempatan pelajar sebagai latihan industri bagi kebolehpasaran yang tinggi melalui pengalaman di industri.

SENARAI BUKTI:

1. [LAPORAN_BUKTI_KUNJUNGAN_HORMAT_KE_INDUSTRI_compressed.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa kriteria penting dalam pemilihan industri yang dilaksanakan oleh ACIS selaras dengan kepentingan UiTM:

- a) Industri yang bersesuaian dengan program akademik yang ditawarkan di ACIS;
- b) Industri yang boleh memberi manfaat kepada ACIS (dari aspek modal insan, penyelidikan dan pengembangan), negara dan masyarakat;
- c) Industri yang tidak memberi kemudaran kepada ACIS bagi setiap kerjasama yang dijalankan;
- d) Industri yang sah dari segi undang-undang. ACIS tidak boleh disabitkan dengan apa-apa kesalahan peraturan atau undang-undang yang dilakukan oleh pihak industri melalui kerjasama yang dijalankan;
- e) Industri yang tidak melibatkan kepentingan mana-mana pertubuhan politik, suku kaum tertentu, pertubuhan haram dan pelampau agama.

Pengurusan risiko

1. Risiko pembaziran sumber

- a. Menenalpasti MOU/ MOA bersama industri/ institusi yang memberi impak yang besar kepada fakulti dan UiTM secara keseluruhan.
- b. Memastikan semua PIC yang dilantik bagi setiap MOU/ MOA melaksanakan aktiviti dan program yang dirancang sepanjang tempoh perjanjian kedua-dua pihak.
- c. Memastikan setiap program MOU/MOA yang dirangka mempunyai hala tuju dan memenuhi pencapaian KPI Fakulti dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU).
- d. Mengelakkan daripada melaksanakan program yang sama yang boleh dilakukan secara bersama antara bidang tugas hal ehwal akademik, pelajar dan jaringan industri.
- e. Meningkatkan promosi dalam semua media sosial, elektronik, bercetak dan sebagainya bagi menjayakan setiap program yang dilaksanakan agar melibatkan penyertaan semaksimal mungkin.

2. Risiko ketidakcapaian KPI Fakulti dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU)

- a. Bengkel Pelan Perancangan Strategik dilaksanakan pada awal tahun dan setiap program/ aktiviti dilaksanakan berasaskan kepada pelan yang dirangka.
- b. Pemantauan dan pertimbangan semula sasaran aktiviti dilaksanakan secara bulanan agar setiap masalah dikenalpasti dan dapat diatasi dengan pantas.

3. Risiko ketidakcukupan tenaga penggerak

- a. Memastikan kerjasama antara unit, coordinator di fakulti seperti unit korporat, unit akademik dan unit HEP.
- b. Menggalakkan penyertaan pelajar dalam setiap program yang dirancang bagi mengelakkan kekurangan tenaga penggerak di samping latihan kepimpinan kepada pelajar.

4. Risiko ketidakpatuhan pekeliling dan SOP
 - a. Standard pekeliling ICAN sentiasa diikuti dan dipatuhi.
 - b. Melaksanakan pelaporan bagi setiap program yang dilaksanakan kepada Koordinator ICAN untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Dalaman Fakulti (MPD) dan disahkan oleh Dekan fakulti
 - c. Setiap program perlu mendapat kelulusan sebelum berjalan dan dana yang digunakan adalah diperuntukkan secara jelas melalui tabung khusus, punca kuasa melalui minit meeting.

SENARAI BUKTI :

1. [SOP & PELAN TINDAKAN.pdf](#)

3.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

- Bagi menambahbaik pelan tindakan Jaringan Industri (ICAN) ACIS, telah menghasilkan dokumen SOP untuk menjelaskan proses mengadakan MoU/MoA Antarabangsa dan juga National sebagai panduan warga ACIS dalam melaksanakan gerak kerja mengadakan kerjasama dengan Industri/Universiti/NGO dalam dan luar negara.
- Proses Pelaksanaan Program Jaringan Industri ACIS
- Pelan Tindakan Jaringan Industri ACIS

SENARAI BUKTI :

1. [SOP & PELAN TINDAKAN.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sepanjang tahun 2019-2020, ACIS telah melaksanakan MOU/MOA dengan beberapa Industri/ Institusi hasil daripada keberkesanan tindakan dan gerak kerja yang dilakukan oleh pihak ACIS melalui Pusat Jaringan Industri (PJI).

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program kolaborasi, ACIS secara keseluruhan telah mencapai objektif berdasarkan kepada pengukuran Impak Kolaborasi bersama industri.

TARAF DIMENSI KERJASAMA KETERANGAN

1*

Jalinan Hubungan Industri menunjukkan minat bagi menjalinkan kerjasama dengan ACIS.

2**

Sokongan dan Penglibatan Aktiviti kerjasama banyak dilaksanakan di kedua-dua belah pihak.

3***

Impak Kerjasama Aktiviti kerjasama banyak memberi faedah yang besar kepada kedua-dua pihak.

4****

Kelestarian Kerjasama Strategik Pihak industri berminat untuk meneruskan aktiviti dari tahun lalu kepada tahun semasa bersama ACIS

5*****

Sumbangan kewangan/ pendanaan kepada ACIS Sumbangan dana dalam bentuk wang tunai atau setara oleh pihak industri kepada ACIS

SENARAI BUKTI :

1. [PROGRAM+BERSAMA+INDUSTRI_compressed.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penetapan sasaran (Petunjuk Prestasi Utama atau PPU) dalam sesuatu bidang tumpuan jabatan sememangnya sangat penting bagi membolehkan pelan tindakan dapat dirancang secara lebih tersusun dan sistematik. Di samping itu, pemantauan dan langkah penambahbaikan akan dapat dilaksanakan bilamana data-data hasil dari pelaksanaan sesuatu pelan tindakan dapat dianalisa dengan baik secara berkala. Dalam hal ini, kaedah pengukuran dan penganalisaan data yang tepat (robust) sangat perlu bagi memastikan PPU yang telah ditetapkan dapat dinilai untuk penambahbaikan berterusan. Bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan merupakan antara bidang tumpuan ACIS yang menyerlah dari segi prestasi pada tahun dinilai (2019 – 2020). Pencapaian PPU untuk Jaringan Industri dan Keusahawanan diukur berdasarkan PPU yang telah ditetapkan dalam sasaran BTU. PPU bagi Jaringan Industri merangkumi bilangan MoU dan MoA dengan syarikat terkemuka antarabangsa juga bilangan MoU/MoA dengan industri/agensi tempatan. Sasaran bidang Keusahawanan pula merangkumi partisipasi pelajar dalam program keusahawanan, bilangan pelajar usahawan yang berdaftar dengan Pusat Keusahawanan Universiti/SSM dan juga bilangan pensyarah yang menghadiri latihan kompetensi sebagai tenaga pengajar keusahawanan. ACIS telah merancang dengan teliti dan sistematik pelan tindakan bersesuaian untuk kesemua PPU tersebut. Dari semasa ke semasa, ACIS mengumpul data pencapaian bagi setiap PPU beserta bukti-bukti pencapaian untuk membolehkan analisa data dapat dilaksanakan. Data-data terkumpul bagi tahun dinilai 2019 dan 2020 telah dianalisa secara deskriptif bagi mengenalpasti peratus pencapaian setiap PPU. Untuk kedua-dua tahun yang dinilai, ACIS telah berjaya dengan cemerlang dalam menghasilkan MoU/MoA bersama pihak industri dan agensi tempatan. Bagaimanapun, ACIS masih dalam usaha untuk menjalin kerjasama dengan industri-industri terkemuka di peringkat antarabangsa. Bagi membolehkan penambahbaikan dapat dilaksanakan, kunjungan hormat dan juga perbincangan bersama pihak industri terkemuka antarabangsa secara bersemuka dan maya telah dijalankan. Hasilnya, beberapa perancangan MoU/MoA telah dapat dirangka untuk direalisasikan. Pencapaian ACIS untuk PPU Keusahawanan dalam tahun dinilai amatlah membanggakan. Kesemua PPU Keusahawanan telah menunjukkan pencapaian melebihi sasaran yang ditetapkan. Pencapaian cemerlang ini bagaimanapun tidak menjejaskan momentum ACIS dalam mengekalkan, malah meningkatkan lagi usaha untuk prestasi yang lebih gemilang di masa hadapan. Maklumat prestasi semasa bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan ACIS dikongsi bersama warga ACIS dan pihak berkepentingan melalui pelbagai medium seperti laman sesawang rasmi ACIS, Buletin ACIS dan juga mesyuarat bersama warga ACIS. Dalam mengukur, menilai dan menyampaikan maklumat prestasi, sudah tentu terdapat risiko yang dihadapi. Risiko ketidaktepatan data boleh berlaku bila mana terdapat kakitangan yang tidak melapor pencapaian mereka melalui sistem yang tersedia atau berlaku salah faham definisi operasi BTU yang menyebabkan sasaran tersasar. Bagi membolehkan risiko dapat diurus dengan baik, semakan silang data BTU dan maklumat di pihak ACIS dijalankan dari semasa ke semasa agar ketepatan laporan dapat dicapai. Ini penting bagi membolehkan prestasi ACIS dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dicapai dan inovasi berterusan dapat dihasilkan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan dan perancangan yang sistematik amat penting bagi pihak pengurusan ACIS untuk meningkatkan kebolehpayaan jabatan bagi memenuhi objektif yang telah disasarkan. Pengumpulan data dan maklumat menjadi asas kepada ukuran prestasi jabatan bagi membuat keputusan yang lebih tepat dan konsisten.

Proses pengumpulan data bagi pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (PPU) dan Petunjuk Prestasi (PP) dilaksanakan sebanyak empat (4) kali setahun bagi tujuan penambahbaikan. Semua tindakan dan penambahbaikan hasil daripada pengukuran dan analisa data diambil kira dalam merangka dan merealisasikan misi dan visi ACIS.

Selaras dengan pelan strategik UiTM2025, Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah diwujudkan di fakulti, kampus dan juga jabatan. Pengoperasian di peringkat fakulti dan kampus dilaksana oleh Penyelaras yang dilantik oleh Dekan atau Rektor. Tugas wakil BTU perlu diselaraskan di bawah skop strategik dan transformasi supaya lebih efisien bagi memastikan sasaran universiti tercapai.

Berasaskan bidang tumpuan yang telah dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan, ACIS telah menumpukan kepada dua aspek utama iaitu jaringan kerjasama dengan pihak industri dan pemerksaan aktiviti keusahawanan. Kedua-dua aspek ini melibatkan pensyarah, staf pentadbiran dan juga para mahasiswa dalam usaha kolaborasi di peringkat universiti, kebangsaan dan juga antarabangsa. Jaringan kerjasama ACIS dengan pihak luar terutama industri dilihat sangat penting dalam memperkenalkan ACIS sebagai sebuah fakulti dan entiti pendidikan yang mampu melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing di peringkat global. Di samping itu, para mahasiswa digalakkan menceburi bidang keusahawanan sebagai persediaan untuk mencipta kerjaya sendiri dalam mendepani situasi ekonomi semasa yang mencabar. Staf akademik pula disarankan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka sebagai tenaga pengajar keusahawanan.

Bagi mengukur tahap pencapaian bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan, BTU ACIS telah melaksanakan beberapa pendekatan yang bersasar dan lebih komprehensif melibatkan beberapa pihak yang terlibat. Di samping itu, penerapan dan pembudayaan keusahawanan juga dilihat sebagai satu keperluan kepada para mahasiswa untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu sama ada secara teori atau praktikal. Data-data dan maklumat bagi tahun 2019 dan 2020 telah dikumpul dengan sasaran yang telah ditetapkan dan dapat diringkaskan seperti jadual di bawah:

Insert Jadual 4.2.1

Insert Jadual 4.2.2

Berdasarkan data dan maklumat daripada kedua-dua jadual tersebut menunjukkan ACIS memberi tumpuan kepada penglibatan dan pemerksaan warga ACIS dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan, di samping penyediaan tenaga pengajar keusahawanan dalam kalangan para pensyarah ACIS. Mahasiswa adalah aset berharga yang perlu digilap potensi mereka dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Penetapan sasaran yang jelas setiap tahun juga dapat membantu pihak BTU ACIS mengenalpasti dan membuat perancangan awal yang lebih sistematik.

SENARAI BUKTI:

1. [Jadual 4.2.1.pdf](#)
2. [Jadual 4.2.2.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Jadual 4.3.1 dan 4.3.2 menunjukkan sasaran dan pencapaian PPU Jaringan Industri dan Keusahawanan ACIS pada tahun 2019 dan 2020. Kaedah penilaian dibuat secara deskriptif dengan mengambilkira pertambahan frekuensi dan peningkatan peratus pencapaian setiap PPU. Data dikumpul dan dianalisa secara suku tahunan (quarterly) iaitu empat kali setahun. Prestasi ACIS dianalisa berdasarkan kepada deskripsi parameter atau skor warna yang telah ditetapkan oleh pihak BTU sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 4.3.3.

Insert Jadual 4.3.1

Secara umumnya, prestasi ACIS dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan pada tahun 2019 adalah amat memuaskan dengan hampir kesemua PPU menunjukkan pencapaian 100 peratus. Bagaimanapun, bilangan mahasiswa yang menjalankan perniagaan berdaftar masih jauh dari sasaran dan memerlukan usaha penambahbaikan yang lebih agresif bagi meningkatkan sasaran yang ditetapkan.

Insert jadual 4.3.2 dan 4.3.3

Prestasi ACIS bagi tahun 2020 (rujuk Jadual 4.3.2) dalam bidang yang dinilai telah memperlihatkan beberapa PPU yang masih belum dicapai. Ini mungkin disebabkan oleh penilaian semula PPU Jaringan Industri yang lebih terperinci dengan melibatkan sasaran kerjasama di peringkat antarabangsa khususnya industri multinasional terkemuka. Bilangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti pembudayaan keusahawanan juga masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Pelan tindakan untuk penambahbaikan sedang giat dijalankan bagi memastikan PPU tersebut mampu dicapai pada tahun akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 4.3.pdf](#)
2. [Bukti 4.3a.pdf](#)
3. [Bukti 4.3b.pdf](#)
4. [Bukti 4.3c.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

ACIS mengumpulkan pelbagai jenis data dan maklumat di peringkat jabatan merangkumi bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Pengumpulan dan penganalisaan data dibuat secara berkala untuk tujuan penambahbaikan berterusan. Semua tindakan dan penambahbaikan hasil daripada pengukuran dan analisa data diambilkira dalam merangka dan memantapkan peranan ACIS di samping berusaha mencapai PPU yang telah ditetapkan. Dalam meningkatkan jaringan industri melalui MoU/MoA di dalam dan luar negara, kunjungan hormat secara bersemuka mahupun maya telahpun dilaksanakan dengan beberapa institusi dan agensi [Rujuk Bukti 4.4a]. Beberapa pertemuan dan perbincangan juga telah diadakan sehingga berjaya menghasilkan program-program yang berimpak tinggi seperti INHAC2019, ICOM2019 dan juga ZAWFI (2019 dan 2020) [rujuk Bukti 4.4b]. Dalam usaha meningkatkan kemahiran keusahawanan pula, beberapa siri webinar/bengkel dan aktiviti pengiklanan telah dijalankan dari semasa ke semasa [rujuk Bukti 4.4c]. Kerjasama pelbagai aktiviti keusahawanan bersama MASMED dan juga alumni sangat bermanfaat dalam meningkatkan keberhasilan bilangan usahawan dalam kalangan pelajar.

Perkongsian maklumat mengenai kriteria pengukuran, analisa dan pengukuran pengetahuan dikongsi kepada semua staf serta pihak berkepentingan (stakeholders) sama ada di peringkat dalaman mahupun luaran UiTM melalui pelbagai medium. Staf ACIS yang meliputi pengurusan tertinggi ACIS, staf akademik dan pentadbiran didedahkan dengan pencapaian dan analisa melalui medium yang formal dan tidak formal seperti berikut:

- Mesyuarat Kakitangan Akademik yang diadakan dua kali setiap semester.
- Mesyuarat Pengurusan Dalaman yang diadakan setiap bulan.
- Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti.
- Laman Sesawang Rasmi ACIS
- WhatsApp rasmi ACIS
- Facebook Rasmi ACIS
- e-Buletin ACIS
- E-mail rasmi UiTM
- Google Classroom ACIS

Perkongsian maklumat adalah penting untuk staf ACIS di semua peringkat mendapat gambaran yang jelas seterusnya dapat membuat penambahbaikan terhadap bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan ACIS di masa akan datang.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 4.4a.pdf](#)
2. [Bukti 4.4b.pdf](#)
3. [Bukti 4.4c.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko pengurusan analisa dapat dikenalpasti apabila data dan maklumat yang ada di ACIS tidak berpadanan dengan laporan prestasi BTU. Ketidaksepadanan (mismatch) ini boleh berlaku apabila terdapat kemungkinan staf ACIS yang tidak mengemaskini penghasilan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan mereka kepada Penyelaras BTU sehingga menatijahkan isu “under-reporting”. Ia mungkin juga disebabkan oleh salah faham terhadap definisi operasi (operational definition atau OD) BTU untuk sesuatu PPU (Petunjuk Prestasi Utama) sehingga menyebabkan apa yang dicapai tidak dilaporkan dengan tepat. Salah faham terhadap OD BTU juga boleh mengakibatkan pelan tindakan yang dirancang oleh ACIS tidak bertepatan dengan kehendak BTU. Terdapat juga kemungkinan risiko di mana data yang dikehendaki tidak diperolehi atas sebab dokumentasi yang tidak kemas dan berpusat. Bagi membolehkan risiko pengurusan analisa dapat diurus dengan baik, semakan silang (cross-check) data BTU dan maklumat di pihak ACIS dijalankan dari semasa ke semasa agar ketepatan laporan dapat dicapai. Laporan berkaitan jaringan industri dan keusahawanan didokumenkan secara berpusat dalam “Google Drive” yang disediakan. Sesi penerangan dan penyampaian maklumat BTU juga dijalankan dari semasa ke semasa untuk memberi kejelasan terhadap OD untuk setiap PPU Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Dalam usaha menyampaikan maklumat dan pengetahuan mengenai jaringan industri dan keusahawanan, terdapat kemungkinan risiko maklumat tidak sampai kepada kesemua staf. Ini boleh berlaku apabila terdapat staf yang tidak hadir dalam mesyuarat berkala yang diadakan. Staf juga mungkin tidak begitu cakna dalam membaca laporan berkala di laman sesawang, e-mail atau buletin. Justeru, peringatan mesra diberikan dari semasa ke semasa mengenai kepentingan setiap staf ACIS menghadiri mesyuarat jabatan dan cakna terhadap perkembangan prestasi ACIS.

SENARAI BUKTI :

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan ACIS sentiasa berusaha melaksanakan penambahbaikan dengan menganalisa hasil tindakan yang telah dilakukan dalam aspek Jaringan Industri dan Keusahawanan. Hasil analisa tersebut dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) ACIS untuk dikenalpasti ruang yang boleh ditambahbaik dari masa ke semasa. Hasil penganalisaan tersebut dikongsi kepada semua warga ACIS agar mereka maklum dan tahu aspek-aspek yang boleh mereka sumbangkan untuk penambahbaikan. Staf ACIS digerakkan secara lebih agresif untuk melakukan jaringan dengan pelbagai industri bagi mengadakan jaringan kerjasama dalam semua aspek termasuklah penyelidikan, kolaborasi penganjuran konferensi, penerbitan mahupun aktiviti lain yang boleh memberikan manfaat kepada kedua belah pihak. Sebagai langkah penambahbaikan berterusan, jaringan yang telahpun wujud diperluaskan skopnya kepada potensi hubungan dua hala yang lebih mantap seperti melanjutkan tempoh MoU sedia ada, menaiktaraf MoU kepada MoA dalam pelbagai aspek juga kerjasama dalam aktiviti akademik dan kemanusiaan. Jaringan sedia ada yang telah wujud di kalangan staf akademik juga dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kerjasama berterusan. Bentuk jaringan seperti rakan universiti, rakan industri, mantan penyelia dan seumpamanya mampu mempercepatkan lagi proses menambah bilangan kerjasama di antara ACIS dan industri.

Dalam usaha penambahbaikan PPU keusahawanan, pelbagai kolaborasi dengan pihak-pihak berkaitan telah diadakan. Antaranya adalah kolaborasi ACIS bersama MASMED, koperasi, persatuan-persatuan pelajar, fakulti-fakulti di UiTM dan juga rakan industri dalam penganjuran bengkel, seminar, webinar dan seumpamanya. Bagi memastikan setiap program dan aktiviti yang dirancang mampu menghasilkan impak yang lebih cekap dan berkesan, sesi penilaian pasca program (post-mortem) diadakan dari semasa ke semasa agar sumber dapat digunakan secara optimum dan PPU yang disasarkan akan tercapai.

SENARAI BUKTI :

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

ACIS sentiasa memastikan peningkatan prestasi dengan melakukan penambahbaikan berterusan. Hasil penganalisan data pencapaian PPU ACIS yang diukur setiap suku tahunan diteliti bagi menghasilkan strategi penambahbaikan prestasi, seterusnya mencapai matlamat PPU ACIS seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5.1 berikut.

Insert Jadual 4.5.1

Sejajar dengan matlamat ACIS untuk sentiasa menambah baik pengurusan supaya lebih efektif dan efisien, semakan berkala dijalankan dari semasa ke semasa. Bengkel Perancangan Strategik ACIS yang terbahagi kepada dua fasa mempunyai fokus yang tersendiri (rujuk Bukti 4.5a). Bengkel fasa satu tertumpu kepada perbincangan aktiviti dan penyelarasan perancangan bagi mencapai sasaran BTU, manakala pada fasa kedua, tumpuan utama adalah penyusunan semula perancangan yang telah diatur dan mengatur strategi bagi mempercepatkan pelaksanaannya. Hasil dari penelitian semasa bengkel, beberapa pembudayaan telah dijalankan di peringkat ACIS. Langkah penambahbaikan prestasi memberi impak besar kepada inovasi dan pembudayaan aktiviti ACIS dari semasa ke semasa seperti dalam Jadual 4.5.2 berikut.

Insert Jadual 4.5.2

Penambahbaikan dan inovasi merupakan proses berterusan yang memerlukan komitmen tinggi dari semua warga di ACIS. Di samping itu, kerjasama yang baik dari pihak industri tempatan dan antarabangsa amatlah perlu bagi memastikan prestasi ACIS menyerlah di mata dunia. Justeru, peningkatan aktiviti pembudayaan Jaringan Industri dan Keusahawanan amatlah perlu diberi penekanan untuk pelan tindakan berterusan di masa hadapan.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 4.5.1.pdf](#)
2. [Jadual 4.5.2.pdf](#)
3. [Bukti 4.5b.pdf](#)
4. [Bukti 4.5a.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam usaha menjadikan ACIS sebuah organisasi kukuh dan sentiasa relevan, ACIS mengambil tindakan yang tersusun rapi dalam aspek pengurusan sumber tenaga manusia bermula dengan penentuan keperluan tenaga kerja, pengambilan tenaga kerja, pembangunan keupayaan tenaga kerja dan kemajuan kerjaya tenaga kerja. Ini bertepatan dengan budaya ACIS amat mementingkan pembinaan budaya kerja yang efektif dan berkualiti secara menyeluruh yang dibina seawal perlantikan tenaga kerja sehingga tamat perkhidmatannya. Hasilnya, ACIS terus aktif memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan yang selari dengan urus tadbir universiti. ACIS makin berkembang maju sebagai sebuah akademi yang telah ditransformasikan dari CITU ke ACIS.

ACIS memaksimumkan penggunaan sumber manusia secara efisien bagi penghasilan output kualiti yang cemerlang mengatasi organisasi lain yang mempunyai sumber manusia yang lebih dari aspek kuantiti dilaksanakan melalui sistem pemeraksanaan ACIS secara holistik iaitu Proses Pelaksanaan Sistem 5P Holistik ACIS (Rujuk Lampiran Bukti 5.2.1 Sistem 5P Holistik ACIS). Sistem ini memberi peluang sama rata kepada semua staf dalam persekitaran kerja yang tenang untuk memastikan kehendak pelanggan daripada pelajar, masyarakat dan pihak berkepentingan dipenuhi. Selain itu, ACIS juga memastikan bahawa tenaga kerja dalaman (pelanggan misi) dan warga UiTM turut diberi perhatian.

Aspek kompetensi sumber tenaga kerja, ACIS memastikan semua tenaga kerja adalah berkompentensi dan berkelayakan dengan menilai tiga elemen kompentensi berikut, iaitu:

- a. **Professional Competency:** iaitu menyemak kelayakan akademik, sijil profesional, pengiktirafan serta pengalaman dalam bidang yang diceburi
- b. **Personel Competency:** iaitu menilai sahsiah dan rupadiri tenaga kerja termasuk aspek komunikasi, penampilan, pengurusan masa dan berusaha ke arah penambahbaikan
- c. **Technical Competency:** iaitu menilai kompetensi generik yang berkaitan secara langsung dengan tugas dan tanggungjawab

ACIS turut memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf melalui penghargaan lisan dan keraian. Staf yang baru berkahwin, mendapat cahayamata serta menyambut hari lahir turut diraikan dengan majlis jamuan. Begitu juga dengan staf yang sakit diziarahi bagi memberi sokongan moral. Malah, pihak pengurusan turut mengadakan majlis keraikan bersama keluarga staf di luar UiTM untuk mewujudkan suasana gembira berkerja dalam kalangan staf. Anugerah Perkhidmata Cemerlang juga diberikan berdasarkan sumbangan dan prestasi staf.

Pihak pengurusan ACIS terbuka dalam menerima maklumbalas atau aduan secara terus demi meningkatkan mutu perkhidmatan organisasi. Pengurusan Sumber Manusia di ACIS juga memberi maklumbalas melalui pelbagai medium seperti peti cadangan / aduan, telefon dan aplikasi kumpulan Whatapps. Hasil daripada maklumbalas tersebut, ACIS melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti membuat perubahan organisasi dan bidang tugas, menambah bilangan staf serta menambahbaik sistem penyampaian dan infrastruktur.

ACIS juga telah melakukan beberapa inisiatif penting dalam melibatkan staf memperkukuhkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan industri dan juga keterlibatan dalam aktiviti keusahawanan. Aktiviti jaringan industri dan keushawanan ini terbina melalui MOU/MOA yang dihasilkan termasuk menggalakkan staf membina hubungan dan kerjasama dengan pihak yang berkepentingan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan dan pelaksanaan sumber manusia di ACIS adalah berdasarkan Model Hala Tuju Strategik UiTM, yang secara jelas telah mengenalpasti peranan tenaga kerja sebagai sistem sokongan dan nadi penggerak yang memacu kepada visi dan misi universiti. Ini bertepatan dengan Amanat Naib Canselor Tahun 2019 dan 2020 yang memberi penekanan kepada peranan tenaga kerja berkualiti yang mempunyai nilai dan etika dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi.

Perancangan ini juga berdasarkan amalan 10 Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam yang digarap dalam Nilai dan Etika Warga UiTM untuk menjadikan UiTM berintegriti tinggi sesuai dengan Dasar Integriti UiTM ke arah menjadi Universiti Tersohor dan Melahirkan Modal Insan Kelas Pertama seperti pada Rajah 5.2.2

Dalam memastikan pengurusan sumber manusia di ACIS memberi fokus kepada Jaringan Industri dan Keusahawanan, pihak pengurusan ACIS merangka tiga kumpulan strategi utama iaitu A, B dan C seperti Bukti Lampiran Jadual 5.2.1 iaitu bermula dengan kenalpasti bidang yang perlu diberi keutamaan serta suaikan strategi dan tindakan dengan pelan strategik ACIS.

Selain itu, warga ACIS turut mencernakan amalan 7 prinsip Budaya PERDANA UiTM, iaitu prinsip (P); Pantas dan Positif, (E); Empati, (R); Relevan, (D); Daya Saing, (A); Amanah, Adil & Integriti, (N); Nilai Tambah dan Kelainan dan (A); Arif dan Berilmu. Justeru, ACIS menggalakkan penglibatan keseluruhan warganya dalam mencapai misi, visi, objektif, strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan berteraskan nilai, etika dan amalan Budaya PERDANA tersebut.

Pengurusan keupayaan dan kapasiti tenaga kerja di ACIS ditentukan melalui perancangan sumber manusia oleh setiap bahagian/unit supaya selaras dengan fungsi utama bahagian/unit bagi mencapai kejayaan objektif yang ditetapkan. Penetapan semakan SKT dan pemantauan petunjuk prestasi pula membantu agar tenaga kerja ACIS bergerak ke arah Kompetensi Teras ACIS yang selari dengan visi dan misi UiTM. Di peringkat ini, tenaga kerja ACIS mampu mengenalpasti tumpuan pelanggan dan kehendak mereka agar dipatuhi dan dipenuhi. Oleh itu, ACIS melaksana perancangan tersebut kepada semua staf serta unit di bawahnya bagi memastikan tenaga kerja mendapat maklumat dan persediaan dalam perkhidmatan dengan lengkap. Penyempurnaan kerja ini dilakukan melalui proses seperti pada Rajah 5.2.3 (Bukti 1). Keseluruhan proses pada Rajah 5.2.3 ini dapat membantu tenaga kerja baharu untuk membina keyakinan diri, merapatkan silaturrahim di samping memperolehi maklumat terkini berkaitan organisasi, hal ehwal perjawatan serta perkhidmatan yang perlu dilaksanakan. Proses ini yang dikendalikan untuk semua tenaga kerja baharu di semua kampus UiTM tanpa membezakan mereka adalah pensyarah atau tenaga kerja pentadbiran. Dengan itu, tenaga kerja baharu dapat menyempurnakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih efektif, efisien dan bermaklumat

SENARAI BUKTI:

1. [LAMPIRAN 5.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [Amanat Naib Canselor UiTM 2019.pdf](#)
3. [Amanat Naib Canselor UiTM 2020.pdf](#)
4. [Laporan_Bengkel Perancangan Strategik_ACIS 2020.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan tenaga kerja ACIS mendapat maklumat dan persediaan dalam perkhidmatan, ACIS memastikan penyempurnaan kerja dilakukan melalui proses Proses Pembelajaran dan Persiapan Ke Arah Penyempurnaan Kerja Tenaga kerja Baharu (Rajah 5.3.1). Secara umumnya, keseluruhan proses ini dapat membantu tenaga kerja untuk membina keyakinan diri, merapatkan silaturrahim di samping memperolehi maklumat berkaitan organisasi, hal ehwal perjawatan serta perkhidmatan yang perlu dilaksanakan. Dengan itu, tenaga kerja yang baharu dan sedia ada dapat menyempurnakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih efektif dan efisien.

ACIS juga mengurus dan menyusun atur sumber tenaga manusia agar menjadi modal utama kepada Kompetensi Teras ACIS dengan memperjelaskan berkaitan perancangan strategik ACIS dan UiTM di samping memperbahaskan berkaitan indikator yang menjadi kayu ukur organisasi. Senarai semak tanggungjawab dan skop tugas yang disediakan kepada tenaga kerja memudahkan tenaga kerja memberi fokus kepada jenis perkhidmatan yang perlu dilaksanakan. Penetapan semakan sasaran kerja tahunan dan pemantauan petunjuk prestasi membantu agar tenaga kerja ACIS bergerak ke arah Kompetensi Teras ACIS yang selari dengan visi dan misi UiTM. Di peringkat ini, tenaga kerja ACIS mampu mengenalpasti tumpuan pelanggan dan kehendak mereka agar dipatuhi dan dipenuhi.

Bagi memperkukuhkan Bidang Tumpuan, ACIS merangka strategi jangka panjang dan strategi jangka pendek yang telah dilaksanakan bagi memastikan keperluan tenaga staf (Rujuk Jadual 5.3.1). Perancangan dan Pencapaian MOU/MOA ACIS yang diusahakan serta penglibatan staf ACIS dalam aktiviti keusahawanan mengukuhkan strategi ACIS yang dirangka.

SENARAI BUKTI :

1. [LAMPIRAN 5.3.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [MOU-MOA ACIS 2019 2020.pdf](#)
3. [KTP ACIS.pdf](#)
4. [KEUSHAWANAN ACIS.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

ACIS merancang secara sistematik untuk menentukan faktor utama yang memberi kesan terhadap kepuasan hati dan penglibatan sumber tenaga kerja. Antara penentu faktor utama yang memberi kesan kepuasan hati sumber tenaga kerja adalah melalui elemen penglibatan, kejayaan dan anugerah yang diperolehi serta melalui maklumbalas pelanggan. Petunjuk faktor penglibatan dan kepuasan hati tenaga kerja di ACIS pada setiap segmen adalah seperti pada Rajah 5. 4.1. Usaha-Usaha Penambahbaikan Bagi Memastikan Persekitaran Kerja Dan Sistem Kerja Yang Kondusif. ACIS amat yakin kejayaan sesebuah organisasi itu terletak kepada perkasanya sumber tenaga manusia yang mantap dari segi intelektual, fizikal dan juga spiritual. Faktor ini memberi kesan dengan tindakan sumber daya manusia seperti gaya kepimpinan, merit dalam penilaian prestasi, kenaikan pangkat, khidmat cemerlang, tenaga kerja pentadbiran, contoh perhimpunan bulanan dan sistem penghargaan seperti ucapan terima kasih, tahniah dan takziah. Hasil penglibatan dan kepuasan hati tenaga kerja terbukti melalui beberapa kejayaan yang diterima. Medium lain secara luaran bagi penentuan ini diadaptasikan dalam sistem adalah melalui maklumbalas contoh Borang Kepuasan Pelanggan, Peti Cadangan, Borang Aduan dan Maklumbalas Pelanggan. Maklumbalas yang diperolehi dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS melalui elemen tenaga kerja.

Kajian *UiTM Happiness Index (UHI)* yang disediakan oleh CSPI turut diambilkira untuk tujuan penambahbaikan dan perbandingan dengan organisasi lain dalam UiTM. Faktor ini seterusnya memberi kesan dengan tindakan sumber daya manusia seperti gaya kepimpinan, merit dalam penilaian prestasi, kenaikan pangkat, khidmat cemerlang dan sistem penghargaan. Selain itu, penentuan penglibatan sumber tenaga kerja ACIS yang memberi kesan kepada kepuasan hati turut dilaksanakan secara medium dalaman, iaitu melalui Latihan Kompetensi dan Jam Latihan yang datanya diperolehi melalui i-Staf Portal UiTM. Penilaian Tahap Kepuasan hati ini diadaptasikan dalam sistem adalah melalui Borang Kepuasan Pelanggan, Peti Cadangan, Borang Aduan dan Maklumbalas Pelanggan. Maklumbalas yang diperolehi dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS melalui elemen tenaga kerja. Maklumbalas yang diperolehi dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS melalui elemen tenaga kerja, sama ada pada segmen akademik atau tenaga kerja pentadbiran. Ini semua digunakan untuk penambahbaikan sistem organisasi secara keseluruhan.

SENARAI BUKTI:

1. [LAMPIRAN 5.4 Bukti 1.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

5.4.2 Pengurusan Risiko Dilaksanakan Dalam Pengurusan Sumber Manusia

ACIS telah mengambil langkah awal untuk menentukan faktor keselamatan di pejabat dan persekitarannya. Contohnya, ACIS telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan ACIS yang bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan di premis ACIS. Pada masa yang sama, ACIS menjalinkan hubungan yang akrab dan mesra dengan jabatan dan unit lain di UiTM bagi menentukan aspek keselamatan tetap diutamakan. Contohnya, dengan Unit Keselamatan UiTM. Hal ini berlaku bukan sahaja melibatkan premis ACIS di Shah Alam bahkan di cawangan di seluruh sistem UiTM.

Berkaitan dengan produktiviti pula ACIS memang begitu komited dalam menentukan pencapaian produktiviti yang berkualiti. Ini dapat dibuktikan apabila ACIS menetapkan visi, misi dan objektif sama ada bahagian akademik dan Hal Ehwal Islam, disamping berusaha gigih untuk mencapai objektif masing-masing. Secara umum, integrasi data yang disediakan oleh pihak ACIS dan CSPI memberi makna yang besar terhadap pengukuran yang tepat bagi mengukur tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia di ACIS.

SENARAI BUKTI :

1. [JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO ACIS.pdf](#)
2. [RISIKO Pelan Tindakan RISIKO ACIS.pdf](#)
3. [RISIKO PENGURUSAN RISIKO MASMED ACIS.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan Memastikan Persekitaran kerja dan Sistem Kerja yang Kondusif

Sistem kerja yang kondusif

ACIS mewujudkan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif melalui Sistem 5P Holistik ACIS, ia terdiri daripada proses lantikan, pengesahan jawatan, pemindahan, kenaikan pangkat dan seterusnya persaraan yang meliputi lima aspek dalam Rajah 5.4.3.1

Semua staf mempunyai peluang yang sama rata memajukan diri di dalam sistem kerja yang kondusif bagi memenuhi kehendak pelanggan daripada pelajar, masyarakat dan pihak berkepentingan. Selain itu, ACIS juga memastikan bahawa tenaga kerja dalaman (pelanggan misi) dan warga UiTM turut diberi perhatian.

Selain itu, staf ACIS turut menerapkan ikatan silaturahim yang erat dengan melaksanakan majlis keraian, sambutan hari jadi, kelahiran bayi dan agenda ziarah kepada staf yang ditimpa musibah.

Wabak COVID-19 yang melanda negara telah mengubah keseluruhan sistem kerja staf pentadbiran mahupun staf akademik. Melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 06 tahun 2020 telah menetapkan arahan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) mengenai hal ehwal staf. Semua staf diarahkan untuk bekerja daripada rumah dan menghadkan pergerakan. ACIS terus konsisten menyediakan sistem kerja yang kondusif kepada staf demi memastikan sistem terus beroperasi dengan baik. Maklumbalas dan tindakan semasa fasa ini boleh dirujuk di Rajah 5.4.3.2

Persekitaran kerja yang kondusif

Persekitaran kerja sumber manusia turut disokong dengan kemudahan staf dalam pejabat seperti mesin minuman, mesin fotostat serta peralatan stationeri yang lengkap disediakan. Sebagai langkah **penambahbaikan** kepada suasana yang kondusif, pengurusan ACIS telah mengambil langkah pro-aktif mengubahsuai bangunan Cempaka 4. Pelbagai aduan yang diterima di dalam sistem e-aduan telah diambil tindakan oleh staf yang bertanggungjawab dalam memastikan semua staf mempunyai persekitaran kerja yang selesa.

Tindakan kepada Maklumbalas Sumber Manusia

Pihak pengurusan terbuka dalam menerima maklumbalas atau aduan secara terus demi meningkatkan mutu perkhidmatan organisasi. Hasil daripada maklumbalas tersebut, pihak ACIS akan melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti membuat perubahan organisasi dan bidang tugas, menambah bilangan staf serta menambahbaik sistem penyampaian dan infrastruktur. Maklumbalas sumber manusia yang memerlukan pertimbangan pengurusan atasan akan di bawah dalam mesyuarat berkaitan seperti MKSP dan MPD. Maklumbalas yang diperolehi dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS melalui elemen tenaga kerja. Antara maklumbalas dan tindakan yang diambil oleh pihak pengurusan ialah menerusi Rajah 5.4.3.2

SENARAI BUKTI :

1. [Rajah 5.4.3.1 - Sistem 5P Holistik ACIS.pdf](#)
2. [Pekeliling Naib Canselor Bilangan 6 Tahun 2020 - Arahan Pelaksanaan Kawalan Pergerakan Mengenai Hal Ehwal Staf Mulai 18 Mac - 31 Mac 2020 di UiTM.pdf](#)
3. [Rajah 5.4.3.2.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

5.5 Inovasi Yang Terhasil dari Tindakan-tindakan Yang di ambil

Pengurusan ACIS telah mengambil langkah pro-aktif bagi memastikan terdapat penambahbaikan kepada suasana kerja yang selesa dan kondusif. Ini dapat dilihat daripada inisiatif mendapatkan maklumbalas daripada pelajar dan staf fakulti dan organisasi luar bagi menambahbaik perkhidmatan berdasarkan maklumat yang diterima.

Inovasi baru turut terhasil apabila pandemik COVID19 berlaku kerana staf terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan bekerja dari rumah (BDR) dari bekerja di pejabat (BDP) serta membuat pengajaran dan pentaksiran pelajar secara atas talian (online distance learning). Terdapat pelbagai taklimat serta bengkel yang dilakukan bagi menambahkan ilmu, kemahiran dan pengalaman tenaga kerja sesuai dengan keperluan semasa. Ini juga turut membantu penambahbaikan kecerdasan emosi tenaga kerja dan perkongsian gerak kerja terbaharu ke arah visi dan misi ACIS.

Penerangan lanjut tentang inovasi berkaitan latihan penggunaan ICT dihuraikan di dalam Rajah 5.5.

5.6 Pihak Pengurusan Memberi Penghargaan dan Pengiktirafan Kepada Sumber Manusia

Keseluruhannya, tenaga kerja sentiasa diberi peluang untuk meningkatkan dan mengembangkan kerjaya mereka serta sentiasa digalakkan untuk merebut peluang kenaikan pangkat. ACIS percaya kejayaan organisasi bergantung kepada kejayaan tenaga kerja masa latihan, taklimat dan bimbingan secara formal dan tidak formal sentiasa diberikan dari masa ke semasa untuk memudahkan mereka. Proses penganugerahan dan penghargaan tenaga kerja ACIS diterangkan di dalam Rajah 5.6

SENARAI BUKTI :

1. [Rajah 5.5.pdf](#)
2. [Rajah 5.6.pdf](#)
3. [Bukti 5.5 -Seminar ACIS 2020 v.4.pdf](#)
4. [Bukti 5.6 Sejarah Latihan Pensyarah.pdf](#)
5. [Bukti 5.6 APC Minit Mesyuarat LNPT 2020.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian Industri, Kemasyarakatan dan Alumni (ICAN) ACIS amat mementingkan pembinaan budaya kerja yang efektif dan berkualiti secara menyeluruh dengan melaksanakan sistem operasi secara holistik. Operasi tersebut melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan yang berterusan melalui pengurusan risiko dan kajian semula operasinya.

Dari segi perancangan untuk jaringan industri & keusahawanan, operasi dan gerak kerja adalah berpandukan 11 performance indikator BTU yang meliputi 5 bidang utama, MOU/MOA, Latihan industri pelajar, tanggungjawab sosial Universiti, *knowledge transfer program* dan Alumni. Indeks prestasi utama dan matlamat strategik terhadap kolaborasi industri dibangunkan, dipantau dan dinilai. Antara petunjuk prestasi adalah seperti :

- a) Bilangan MOU/MOA (domestik dan antarabangsa);
- b) Peratus kebolehpasaran graduan;
- c) Sesi perkongsian kepakaran
- d) Penglibatan staf (sangkutan industri).

Untuk tujuan perancangan gerak kerja tahunan, bengkel Pelan Strategik ACIS telah di adakan pada 17-18 Februari dan 26 Julai 2020 di Halaman Shah Alam.

Pelaksanaan program-program ICAN ACIS dilaksanakan melalui pelbagai platform dan inisiatif termasuk sangkutan industri (kakitangan mahupun pelajar), penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, khidmat kepakaran, dan konsultasi. Dari segi pelaksanaan yang melibatkan kerjasama dengan industri, ICAN ACIS menggunakan mekanisme tertentu. Mekanisme yang terpenting ialah dengan mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA).

Sebagai insentif kepada pensyarah, ICAN ACIS telah menawarkan peruntukan geran penyelidikan dalaman di dalam meningkatkan prestasi individu staf untuk memberi peluang kepada mereka memenuhi pencapaian KPI dan membudayakan mereka dengan tugas dalam bidang penyelidikan. Selain daripada itu, dalam usaha menambahkan aktiviti penajaan kewangan kepada fakulti, ICAN ACIS telah menganjurkan konvensyen dan konferensi serta program pensijilan professional termasuk Conference on Zakat, Waqf, And Islamic Philanthropy (ZAWFI), International Conference Mualaf (ICOM) dan Program Professional Certificate In Halal Executive. Untuk meluaskan jalinan usahasama dan koraborasi dengan pihak industri dan agensi luar, ICAN ACIS telah menyusun beberapa rancangan iaitu dengan mewujudkan hubungan kerjasama dengan beberapa pihak industri.

Justeru pelbagai MoU dan MoA dengan pihak industri telah diatur dan dijalankan mengikut seperti yang dirancang.

Selain itu, ICAN ACIS menerusi MASMED juga memainkan peranan dalam usaha melahirkan mahasiswa yang kompeten dengan ciri-ciri keusahawanan dan berdaya saing, sejajar dengan misi UiTM untuk meramaikan kepakaran bumiputera dalam semua bidang. Justeru pelbagai program di anjurkan seperti Program Webinar: Entrepreneurship & Digital Financial Inclusion,

Webinar *Small Business Talk Bersama Alumni*, Webinar *Small Business Talk Bersama Alumni*, Webinar Keusahawanan Islam Siri 1 “Jum Menjadi Usahawan” dan siri 2 “Menjana Pendapatan Semasa Belajar: Tips Dan Teknik” dan sebagainya.

Untuk tujuan pemantauan, prosedur tertentu telah di rangka. Sebagai contoh ICAN ACIS telah melantik koordinator, ahli jawatankuasa dan juga *person-in-charge* untuk menguruskan setiap elemen yang di tetapkan seperti mobiliti pensyarah dan pelajar, research dan lain-lain untuk memudahkan urusan dan memastikan sasaran BTU ACIS tercapai (Rujuk Garis panduan ICAN 2020). Begitu juga prosedur pemantauan MoU/MoA yang mewajibkan draf disemak oleh pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang UiTM seterusnya dibawa kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bagi MoA untuk tujuan kelulusan (*Punca kuasa: Mesyuarat MEU bil. 15/2020 bertarikh 20 Mei 2020*). Untuk memastikan kelancaran, ICAN ACIS telah melantik *person in charge* (PIC) khusus untuk penyediaan dokumen MoU/MoA. Begitu juga dengan keusahawanan, pemantauan dibuat oleh Koordinator Keusahawanan mengikut perancangan yang telah dibuat pada setiap semester.

Untuk mengelakkan risiko objektif dan sasaran ACIS tidak tercapai, laporan kepada bahagian BTU ACIS pada setiap bulan juga perlu dihantar sebagai langkah pemantauan dan juga untuk meningkatkan prestasi jabatan ICAN ACIS. Selain daripada itu pemantauan di buat melalui beberapa lapisan audit seperti InQKA dan audit dalaman ACIS sendiri.

Penambahbaikan melalui perlaporan dibuat setiap bulan di dalam mesyuarat dimana setiap unit strategik akan membentangkan pencapaian serta perlaporan untuk memastikan keseluruhan unit PTJ dan staf beroperasi secara bersama, juga mengenalpasti KPI yang masih belum dicapai dan menumpukan kepada kolaborasi bersama di dalam memenuhi pencapaian.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan operasi Jaringan Industri dan Kemasyarakatan (ICAN) adalah memastikan menjalankan aktiviti kemasyarakatan sekurang-kurang 5 kali setahun. Terdapat pendekatan yang dilakukan berkaitan operasi Jaringan Industri dan Kemasyarakatan (ICAN) yang melibatkan 18 aktiviti Kerjasama dengan pihak Industri termasuklah MoU/MoA dengan Nama Foundation, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Uda Holding, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Halal Industry Selangor (HIS) / Aspire Flagship Sdn Bhd, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Worldwide Medivest Sdn Bhd (WWSB), Halal Institute Prince Of Songkla University Thailand dan Academy Of Islamic And Arabic Studies Princess Of Naradhiwas University (PNU). Antara program yang dijalankan adalah kunjung hormat ke industri yang bekerjasama, Majlis Perjanjian Persefahaman (MOU) dan Industrial Talk.

Operasi ICAN ACIS meliputi pelbagai pihak yang terlibat yang akan mengambil manfaat daripada aktiviti yang dijalankan. Pertama, para pelajar terutamanya di peringkat Sarjana Muda Muamalat dan Pengurusan Industri Halal akan mendapat peluang untuk menjalankan latihan industri sehingga 3 ke 6 bulan. Pelajar kategori B40 yang terpilih berpeluang mendapat manfaat biasiswa daripada industri yang bekerjasama dengan pihak ACIS. Para Pelajar di peringkat pengajian Pascasiswazah turut ditawarkan biasiswa mengikut kelayakan dan kelulusan yang telah ditetapkan. Selain itu, pihak pensyarah mendapatkan ruang tawaran geran penyelidikan daripada Kerjasama dengan industri. Pihak industri turut mendapat manfaat daripada Kerjasama ini dengan diberi ruang menyumbang kepakaran melalui webinar dan sebagai penulis Bersama dalam artikel ilmiah. Golongan masyarakat awam turut mendapat manfaat dengan penganjuran program dakwah dan Pendidikan hasil Kerjasama ACIS dengan industri berkaitan.

MASMED ACIS turut menjalankan 16 program keusahawanan pelajar sepanjang tahun 2020 yang melibatkan 1666 orang pelajar dan 27 orang pensyarah yang menjadikan jumlah peserta seramai 1693 orang. Program yang dijalankan termasuklah webinar berkaitan keusahawanan, bimbingan atau *coaching* keusahawanan bersama usahawan-usahawan yang telah berjaya, program keusahawanan digital dan pertandingan bakat keusahawanan. Selain itu, para pelajar turut mendaftarkan perniagaan secara rasmi dengan SSM dan Myent. Seterusnya, MASMED ACIS turut melibatkan 18 orang pensyarah dalam latihan berkaitan keusahawanan untuk meningkatkan aktiviti keusahawanan. Kesemua aktiviti MASMED ACIS telah berjaya mencapai BTU PI MASMED 2020.

SENARAI BUKTI:

1. [1. OBJEKTIF KUALITI ACIS.pdf](#)
2. [ss LAPORAN AKTIVITI DAN PENCAPAIAN ICAN 2020.pdf](#)
3. [PROGRAM KEUSAHAWANAN PELAJAR ACIS 2019&2020.docx.pdf](#)
4. [btu pi masmed acis 2020.docx.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

6.3 Perluasan

Dalam usaha untuk mencapai sasaran objektif penulisan dan penerbitan, pencapaian Penyelidikan dan Program Jaringan Kemasyarakatan, ACIS menerusi ICAN dan MASMED telah menyusun beberapa rancangan iaitu dengan mewujudkan hubungan kerjasama dengan beberapa pihak industri. Justeru pelbagai MoU dan MoA dengan pihak industri telah diatur dan dijalankan mengikut perancangan. Antara usaha yang dirancang oleh ICAN termasuklah MoU/MoA dengan Nama Foundation, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Uda Holding, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Halal Industry Selangor (HIS) / Aspire Flagship Sdn Bhd, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Worlwide Medivest Sdn Bhd (WWSB), Halal Institute Prince Of Songkla University Thailand dan Academy Of Islamic And Arabic Studies Princess Of Naradhiwas University (PNU). Perancangan dan pelaksanaannya dijalankan secara sistematik berpandukan dokumen-dokumen berikut :

- Dokumen sokongan : Laporan Aktiviti dan Pencapaian ICAN 2020
- Dokumen sokongan : Laporan Kunjungan Hormat Aspire Flagship Sdn Bhd
- Dokumen sokongan : Laporan Kunjungan Hormat Ke INSKEN
- Dokumen sokongan : Laporan Kunjungan Hormat Ke Nama Foundation
- Dokumen sokongan : Laporan Kunjungan Hormat Ke PNB
- Dokumen sokongan : Laporan Kunjungan Hormat Ke UDA Holdings
- Dokumen sokongan : Laporan Kunjungan Hormat Ke Wordwide Medivest Sbd Bhd
- Dokumen sokongan : Laporan Kunjungan Hormat Ke YADIM

Operasi perancangan ini dijalankan dengan persetujuan untuk mewujudkan kajian penyelidikan dan inovasi, penerbitan dan program akademik serta program pensyarah dan pelajar yang mana kesemuanya melibatkan pihak industri. Sasaran bagi MoU/MoA ini adalah untuk membantu para pensyarah dalam mendapatkan dana penyelidikan dalam bidang yang berkaitan dan penerbitan jurnal sebagai memenuhi KPI tahunan.

Selain itu, ACIS-MASMED juga memainkan peranan dalam usaha melahirkan mahasiswa yang kompeten dan berdaya saing, sejajar dengan misi UiTM iaitu mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program professional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan. Kesemua program yang dirancang juga turut dijalankan secara sistematik merujuk kepada senarai dokumen berikut :

- Dokumen sokongan : Laporan Seminar Digital Leadership : Digitalisasi dalam Kepimpinan Koperasi
- Dokumen sokongan : Laporan Program Webinar : Entrepreneurship & Digital Financial Inclusion
- Dokumen sokongan : Laporan Webinar ACIS : Santai Business Talk Bersama Alumni
- Dokumen sokongan : Laporan Webinar ACIS : Santai Business Talk Bersama Alumni
- Dokumen sokongan : Laporan Program Webinar Keusahawanan Islam Siri 1 “Jum Menjadi Usahawan” dan siri 2 “Menjana Pendapatan Semasa Belajar: Tips Dan Teknik”
- Dokumen sokongan : Laporan Program Bengkel Model Canvas (BMC) bersama MASMED “Membina Prospek Masa Hadapan”

Beberapa objektif yang bertepatan dengan pengukuhan kerjasama dan kolaborasi bersama rakan industri telah digariskan oleh pihak universiti. Indeks prestasi utama dan matlamat strategik terhadap kolaborasi industri sentiasa dibangunkan, dipantau dan dinilai. Pemantauan keberkesanan perancangan ini dibuat berdasarkan

Kepada Garis Panduan Jaringan Industri dan SOP, Action Plan dan Checklist untuk MoU/MoA sebagai rujukan.

- Dokumen sokongan : Gerak Kerja Panduan MoU/MoA.
- Dokumen sokongan : Garis Panduan Jaringan Industri

Selain itu, sistem **pengurusan risiko** sokongan turut membantu memantau pelaksanaan keberhasilan MoU/MoA yang dibuat. Antaranya melibatkan pihak pengurusan tertinggi UiTM dan polis bantuan, khususnya berkaitan dengan keperluan SOP dan logistik bagi memastikan urusan segala urusan berjalan dengan lancar dan telus.

SENARAI BUKTI :

1. [GERAK KERJA PANDUAN MoU MoA ACIS.pdf](#)
2. [laporan Courtesyke INSKEN.pdf](#)
3. [LAPORAN KUNJUNGAN HORMAT KE UDA HOLDING.pdf](#)
4. [laporan SEMINAR DIGITAL.pdf](#)
5. [LAPORAN KUNJUNGAN HORMAT KE WORLWIDE.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Terdapat pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh ACIS untuk memastikan jaringan industri dan keusahawanan dimantapkan lagi seiring dengan Pelan strategik UiTM 2025 yang menjadi pemacu kepada ACIS untuk bergerak ke depan.

Pertamanya, jaringan industri, ACIS telah memfokuskan kepada beberapa elemen di mana setiap elemen dirancang bersama person-in-charge untuk memastikan sasaran BTU ACIS tercapai (Rujuk Garis panduan ICAN 2020). Antara elemen tersebut adalah mobiliti pensyarah dan pelajar, webinar, menjadi co-author untuk penerbitan dan research serta mencari sumber penajaan untuk ACIS. Bagi memastikan inisiatif-inisiatif ini tercapai, seluruh operasi jaringan industri ACIS dipantau oleh ACIS sendiri berdasarkan laporan program. Antara strategi yang telah dilaksanakan di bawah inisiatif ICAN ACIS yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelaksanaan keberkesanan objektif tersebut adalah:

- Memantau semua person-in-charge setiap projek untuk memastikan semua perancangan digerakkan.
- Melaksanakan beberapa program di peringkat fakulti bersama beberapa institusi seperti NAMA foundation, Koperasi Sdn Bhd, Permodalan Nasional Berhad dan Bank Rakyat Sdn Bhd. Natijahnya, Bank Rakyat sendiri Berhad contohnya telah memberikan mandat kepada ACIS sebagai konsultantan atas dasar kepakaran yang ada di ACIS.
- Bagi keusahawanan pula, pemantauan dibuat oleh Koordinator Keusahawanan mengikut perancangan yang telah dibuat pada setiap semester. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan menubuhkan organisasi beserta standard operasi kerja dan garis panduan bagi memastikan objektif tercapai. Selain daripada itu, laporan bulanan yang dihantar kepada BTU sebelum 15hb menjadi indikator kepada pihak PTJ untuk memastikan semua sasaran tercapai.
- Untuk memastikan inisiatif-inisiatif ini tercapai, seluruh operasi jaringan industri dan keusahawanan ACIS dipantau melalui laporan audit berasaskan kepada beberapa lapisan audit seperti pihak InQKA dan audit dalaman ACIS sendiri. Ini bagi menjamin ketelusan, integriti dan pematuhan kepada standard operasi dan prosedur. Sesungguhnya, pemantauan ini memberi impak besar terhadap kecekapan dan keberkesanan operasi jaringan industri dan keusahawanan.

SENARAI BUKTI:

1. [GARIS PANDUAN JARINGAN INDUSTRI - OCT 2020 \(1\).pdf](#)
2. [TAKLIMAT ICAN BERSAMA PIC.pdf](#)
- 3.
4. [Achievement PI UiTM2025_NovemberAKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI as of 30 Nov 2020.xlsx - Sheet1.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko bagi jaringan industri dan keusahawanan ACIS dapat dilaksanakan melalui tindakan pencegahan. Bagi jaringan industri, seiring dengan kehendak university, pihak ICAN, ACIS akan bekerjasama dengan fakulti dan institut lain bagi meningkatkan jumlah jaringan industri. Hal ini dapat dilaksanakan dengan memastikan Dekan menandatangani kertas projek kerjasama dengan fakulti dan institusi lain untuk memastikan objektif dan sasaran itu tercapai.

Selain daripada itu, bagi keusahawanan pula, terdapat tiga cara telah dilaksanakan sebagai tindakan pencegahan. Pertama, ahli jawtankuasa keusahawanan akan memastikan kos sebenar adalah sejajar dengan kehendak program-program yang akan dilaksanakan. Untuk mengelakkan daripada risiko, perancangan strategik setiap awal semester dan bulan dilaksanakan untuk mengelakkan daripada tidak mencapai sasaran BTU ACIS dan juga risiko daripada kerugian sumber daripada duit TAAM. Selain daripada itu, pihak ACIS memperbanyakkan program-program kecil tetapi masih memberi impak yang tinggi untuk mencapai objektif dan sasaran yang sepatutnya. Yang terakhir, pihak ACIS akan memastikan tiada dua program yang agak sama di antara satu samal lain untuk mencapai sasaran BTU. Ini dapat dicapai dengan mempelbagaikan program untuk mencapai pelan strategik ACIS dengan menggunakan kaedah serampang dua mata.

Oleh yang demikian, dengan mengelakkan risiko objektif dan sasaran ACIS tidak tercapai, maka pelaksanaan tindakan pencegahan risiko tersebut melalui kaaedah menghantar laporan kepada bahagian BTU ACIS pada setiap bulan juga mampu untuk meningkatkan prestasi jaringan industri dan keusahawanan ACIS.

SENARAI BUKTI :

1. [KERJASAMA BERSAMA FAKUTLI DAN INSTITUT LAIN - KEUSAHAWANAN.pdf](#)
2. [LAPORAN KUNJUNGAN HORMAT PENYANDANG KURSI INSTITUT RAJA-RAJA MELAYU.pdf](#)
3. [BTU complete_revised_PENCAPAIAN ACIS DIBENTANGKAN MEETG ACADEMIC_28 07 2020.docx.pdf](#)

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

6.4.3 MENGENAL SEMULA DAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

Tindakan penambahbaikan dan rejuvenasi semula sentiasa dilakukan dengan adanya **bengkel pelan strategik** setiap semester yang berobjektifkan kepada perancangan, gerak kerja, dan pemantauan oleh setiap unit PTJ. Penglibatan semua staf akademik dan staf pentadbiran adalah sentiasa diberi perhatian dalam aktiviti yang telah dirangka **dalam MOU / MOA** sepanjang tahun secara sinergi bagi mencapai KPI ACIS. Bengkel strategik juga melaksanakan perancangan pada awal tahun demi kelancaran program sepanjang tahun 2020 berdasarkan kepada objektif dan keperluan KPI fakulti. Selain daripada pencapaian kumulatif fakulti, penyediaan **Individual Development Incentive** dibuat melalui peruntukan **geran penyelidikan dalaman** di dalam meningkatkan prestasi individu staf yang bukan sahaja dapat memenuhi pencapaian KPI, namun ia juga memberikan impak kepada tradisi keilmuan dan penyelidikan berimpak tinggi. Selain daripada itu, dalam usaha menambahkan aktiviti penajaan kewangan kepada fakulti bersama industri, terdapat empat konvensyen dan konferensi serta satu program pensijilan profesional telah dijayakan, iaitu konvensyen International halal Conference (INHAC), Conference on Zakat, Waqf, And Islamic Philanthropy (ZAWFI), International Conference Muallaf (ICOM) dan Program Professional Certificate In Halal Executive (HE9).

Penambahbaikan melalui peralaporan juga dibuat setiap bulan dengan mesyuarat bulanan staf. Setiap unit strategik akan membentangkan pencapaian serta peralaporan dalam pengetahuan tindakan bersama di dalam memastikan keseluruhan unit PTJ dan staf beroperasi dengan program-program yang dicapai secara kumulatif dan bersama, serta mengelakkan kerugian sumber dan risiko operasi. Dalam usaha memaksimumkan dana dan sumber ke arah pencapaian berimpak tinggi, ACIS juga mengenalpasti KPI yang masih belum dicapai dan menumpukan kepada kolaborasi bersama di dalam memenuhi pencapaian secara kolektif. Ini dihasilkan dengan seminar dan bengkel penerbitan berindeks, bengkel penulisan buku dan artikel, serta usahasama badan luar di dalam MOU/MOA yang dapat menambahkan penerbitan dan penyelidikan.

Selain daripada itu, dalam penambahbaikan yang berterusan, ACIS menggunakan pendekatan pembangunan staf melalui kaedah **mentoring system**. Pakar yang berpengalaman di dalam setiap bidang strategik akan menjadi *resource person* yang dapat berkongsi idea, memberikan khidmat nasihat, dan menjadi pemimpin di dalam memberi aspirasi dan bimbingan kepada staf baru dan yang memerlukan khidmat nasihat. Pakar yang berpengalaman dilantik dalam pelbagai bidang iaitu pakar Halal (Prof. Madya Dr Fadilah Abdul Rahman), pakar motivasi dan metodologi penyelidikan (Prof. Madya TS. Dr. Mohd Nor Mamat, pakar rujuk fatwa (Dr Mohd Hafiz Mahaiyudin), pakar wakaf dan filantropi (Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani, Pakar metodologi penyelidikan kuantitatif (Prof. Madya. Dr. Siti Khadijah Abd. Manan), Pakar Motivasi Dan Kekeluargaan, Pembangun Sistem Digital utk Anugerah Kualiti Naib Canselor (i-AKNC) (Ustazah TS. Siti Fatahiyah Mahamood), Pakar Undang-undang keluarga Islam (Prof Madya Dr Nurhidayah Hashim), dan Pakar Undang-undang Kehakiman Syarie (Panel Hakim)(Dr. Shadli Sabaruddin).

Selain itu juga, bidang hasil utama keusahawanan yang menjadi tumpuan fakulti telah mengorak langkah di dalam memaksimumkan input dan output nilai-nilai keusahawanan di dalam pelajar ACIS. Walaupun pandemik melanda bermula pada 2019, ACIS telah mengkaji jalan terbaik penyampaian berkesan dan mengambil inisiatif dengan mewujudkan beberapa siri webinar keusahawanan yang mencakupi penerapan minat pelajar terhadap keusahawanan. Setelah itu beberapa webinar teori dan praktis keusahawanan digital juga telah dijalankan dan mendapat penyertaan yang sangat memberangsangkan daripada pelajar dan staf. Sepanjang satu semester, siri webinar keusahawanan telah mendapat penyertaan 1666 pelajar yang menjual produk dan 17 pensyarah ACIS yang mengikuti perkembangan keusahawanan fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [Laporan_Bengkel Perancangan Strategik Fasa dua_26 Julai 2020.pdf](#)
2. [PERANCANGAN 2020 MASMED.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

6.5 INTEGRASI

Seiring dengan halatuju Universiti Teknologi MARA (UITM) ke arah universiti yang ulung di dalam bidang penyelidikan, inovasi dan keusahawanan, fakulti Akademi Pengajian Islam kontemporari telah menggariskan pendekatan integrasi yang merangkumi kolaborasi bersama di dalam unit-unit PTJ dan juga bersama badan luar yang menjalinkan usahasama dan MOU ke arah objektif dan pencapaian bersama. Dalam memastikan operasi keseluruhan fakulti berada dalam keadaan yang terbaik, beberapa nilai-nilai integrasi dan inovasi telah dirancang bermula daripada awal setiap semester dengan **bengkel strategik** yang dihadiri oleh pentadbir dan staf yang berkaitan. ACIS telah menggunakan pendekatan kualiti ke arah pencapaian strategik setiap BTU KPI dengan perancangan sistematik, tersusun dan pengalaman budaya-budaya I-DART, sebagai contoh, ACIS telah mengadakan kursus kefahaman I-DART di dalam menggerakkan nilai bersama di dalam gerak kerja dan juga operasi fakulti. Manakala di dalam menggerakkan operasi penyelidikan yang komprehensif dan berimpak tinggi, sejajar dengan aspirasi universiti untuk melahirkan penyelidikan yang terkini, proses pemantapan geran proposal dan **penulisan jurnal berimpak tinggi** dilaksanakan untuk tujuan meningkatkan bilangan permohonan geran penyelidikan dan bilangan jurnal berimpak tinggi berindeks. **Kerjasama dengan penyelidik luar** adalah antara inisiatif yang dibuat dengan jumlah penerbitan bersama. Strategi yang berinovasi ini dapat meningkatkan lagi jumlah permohonan geran dan juga penerbitan berimpak tinggi. Manakala dalam pengkhususan ke arah kerjasama dengan agensi luar melalui MOU/MOA, bilangan sumber kepakaran dan kemudahan-kemudahan dalam bidang penyelidikan dan inovasi adalah sangat penting. Oleh itu proses penambahbaikan pengurusan dan kerjasama dengan agensi luar melalui Memorandum of Understanding (MoU) dan Memorandum of Agreement (MOA) telah dijalankan secara kolaborasi bersama unit-unit PTJ. Jalinan hubungan dengan pihak industri dan agensi luar ini adalah berteraskan kepada usahasama penyelidikan, keperluan akademik pelajar, perundingan dan usahasama yang lainnya telah membuka peluang kepada penyelidik dalam fakulti di dalam berkongsi bidang kepakaran dan juga memberi nilai tambah kepada inovasi. Ini berobjektifkan di dalam memperluaskan kerjasama dan jangkauan UiTM dalam aspirasi menjadi universiti yang terkemuka di dunia. Selain daripada itu, dalam mempromosi serta meningkatkan kepakaran staf akademik, konvensyen International halal Conference (INHAC), Conference on Zakat, Waqf, And Islamic Philanthropy (ZAWFI), International Conference Mualaf (ICOM) dan Program Professional Certificate In Halal Executive (HE9) telah dijalankan hasil daripada usahasama dengan jabatan Kerajaan dan badan perniagaan. Dengan jalinan usahasama MOU/MOA yang telah diadakan, ia telah membawa kepada siri konvensyen dan program pensijilan halal di dalam memenuhi KPI pada 2020. Program dan konvensyen tersebut dijayakan dengan usahasama 14 buah agensi terlibat yang disenaraikan dalam lampiran.

SENARAI BUKTI :

1. [MyENT & ENT530 _Ogos 2020.pdf](#)
2. [laporan SEMINAR DIGITAL.pdf](#)
3. [laporan Courtesyke INSKEN.pdf](#)
4. [PROGRAM KEUSAHAWANAN PELAJAR ACIS 2019&2020.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

KEUSAHAWANAN ACIS

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA merupakan sebuah pusat akademi yang berteraskan pengajian Islam yang menyokong hala tuju UiTM ke arah *Global Renowned University* di dalam rangka pelan strategik 2020-2025. Selain memberi tumpuan kepada bidang utama dan teras pemantapan akademik dalam pengajaran dan pembelajaran, ACIS menggerakkan keusahawanan secara agresif melalui inisiatif tadbir urus di bawah koordinator MASMED ACIS/ UiTM. Dalam hasil utama keberhasilan keusahawanan, ACIS telah menunjukkan trend peningkatan yang memberangsangkan. Pada tahun 2020, perbandingan *performance indicator* (PI) ACIS telah mencapai trend peningkatan lebih 100% berbanding tahun 2019. Ini selari dengan kehendak misi dan visi UiTM, sekaligus menyokong agenda negara dalam pembangunan keusahawanan. Dalam memperkasa bidang kemahiran keusahawanan ini, sebanyak satu program telah dilaksanakan pada tahun 2019 dan 11 program telah berjaya dijalankan pada tahun 2020, yang melibatkan pelbagai kolaborasi di antara fakulti dan industri, di samping sasaran peserta secara menyeluruh kepada staf, pelajar dan masyarakat awam. Antara program yang dilaksanakan merangkumi hasil utama sasaran keusahawanan tahun 2019, Output 7: Aktiviti Berteraskan Keusahawanan, ACIS mensasarkan kepada lima PI, iaitu, PI1, PI2, PI3, PI4 dan PI6 dan pada tahun 2020, ACIS mensasarkan kepada empat PI iaitu, PI29, PI31, PI32 dan PI33. Pada tahun 2019, program keusahawanan ACIS dijalankan secara fizikal, namun pada tahun 2020, walaupun negara dilanda dengan pandemik Covid-19, ACIS komited untuk terus meningkatkan sasaran pencapaian pada kemahiran keusahawanan secara aplikasi atas talian. Sasaran keusahawanan pada tahun 2019 dan 2020 tidak tertakluk hanya kepada staf dan pelajar ACIS sahaja, akan tetapi ia turut melibatkan penglibatan pemain industri dan lingkungan masyarakat. Pada tahun 2019, 601 pelajar telah menyertai program yang melibatkan pada dua sasaran PI, iaitu PI2; seorang pelajar dan PI3 600 orang pelajar. Pada tahun 2019 juga, 10 orang pensyarah telah menyertai program yang melibatkan sasaran PI6. Manakala pada tahun 2020, 1836 pelajar telah menyertai program pada dua sasaran PI, iaitu PI31, seramai 1666 pelajar dan PI32 seramai 170 orang pelajar. Pada tahun 2019, ACIS masih dikategorikan dalam peringkat permulaan dalam bidang keusahawanan. Data menunjukkan, sasaran PI pada tahun 2019 adalah sedikit iaitu, pada PI1, ACIS hanya mensasarkan dua sahaja bilangan koleberasi keusahawanan untuk perkhidmatan *teaching* dan penasihat perniagaan dan telah mencapai sasaran tersebut. Pada PI2, ACIS mensasarkan 50 orang pelajar untuk menyertai perniagaan dan berdaftar dengan Pusat Keusahawanan Universiti, namun hanya seorang sahaja yang berjaya mencapai sasaran. Manakala pada PI4 ACIS hanya mensasarkan sebuah program sahaja yang melibatkan latihan keusahawanan berstruktur dan telah mencapai sasaran tersebut. Bagi PI6, ACIS juga hanya mensasarkan penglibatan 10 orang pensyarah untuk mengikuti latihan peningkatan kompetensi sebagai tenaga pengajar keusahawanan dan telah mencapai sasaran tersebut. Namun, bermula tahun 2020 sehingga Disember 2020, sebanyak 11 program keusahawanan telah dijalankan oleh pihak ACIS dan bilangan sasaran juga bertambah pada setiap PI. Ini melibatkan PI29, ACIS mensasarkan penglibatan 15 orang pelajar dan telah mencapai 19 orang penglibatan. Bagi PI31, ACIS mensasarkan penglibatan 600 pelajar, dan telah berjaya mencapai 1666 penglibatan. Bagi PI32, ACIS mensasarkan 109 dan telah berjaya mencapai 170 penyertaan. Seterusnya bagi PI 33, ACIS mensasarkan sembilan penglibatan dan telah mencapai 18 penyertaan pensyarah.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [AKNC TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [TREN AKNC.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [AKNC PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [IMPAK AKNC.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Kolaborasi, penajaan, penajaan dan jaringan industri sebagai hasil utama bagi peningkatan sinergi dan profesionalisme pelajar dan pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan tanggungjawab Academia ACIS kepada komuniti dan industri dalam bentuk tanggungjawab sosial ke arah pencapaian Pelan Strategik UiTM 2025.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA merupakan satu pusat akademi yang berteraskan pengajian Islam membawa misi untuk dan visi menjadi satu akademi yang menyokong hala tuju UiTM ke arah Global Renown University di dalam rangka Pelan Strategik UiTM 2025. Selain memberi tumpuan kepada bidang utama dan teras pementapan akademik dalam pengajaran dan pembelajaran, ACIS menggerakkan jaringan akademia secara agresif dan padu dengan pihak industri melalui inisiatif tadbir urus di bawah Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri ACIS. Berdasarkan sasaran Pelan Strategik UiTM 2025 dalam bidang tumpuan Hasil Jaringan Industri, ACIS telah menunjukkan pencapaian dan peningkatan yang positif pada petunjuk prestasi dari bidang kolaborasi dengan universiti dan industri yang menunjukkan peningkatan penglibatan kolaborasi pelajar dan pensyarah dengan pihak industri. Selain itu, penglibatan dan pengalaman yang baik diperolehi para pelajar semasa latihan industri bersama dengan syarikat bertaraf multinasional. ACIS turut melangkah jauh dengan peningkatan jaringan kerjasama melalui MoU dan MoA dengan agensi dan institusi dalam dan luar negara bagi tahun 2019 dan 2020. Menurut rekod terdapat keseluruhan 14 agensi dan organisasi yang telah menjalin kerjasama dengan UiTM sehingga kini melalui inisiatif MoU yang dijalankan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari. Penglibatan yang aktif ACIS dalam program University Social Responsibility(USR) dan Knowledge Transfer Program (KTP) selain penglibatan aktif pensyarah bersama dengan program kesukarelawanan. Program seperti seminar dan latihan hasil kolaborasi dengan industri serta turut melibatkan kerjasama dari MoU yang sedia ada, menjana pendapatan kepada ACIS dan UiTM, antara program sepanjang 2019 seperti Seminar Antarabangsa Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam kali ke 3 2019, di Shah Alam, Selangor pada 30 dan 31 Oktober 2019, International Conference on Muallaf 2019 (ICoM 2019) pada 23/11/2019, 4th International Halal Conference 2019 (INHAC 2019) di Osaka Jepun pada 22 April - 23 April 2019. Manakala tahun 2020, program telah berjaya dijalankan termasuk Program Professional Certificate in Halal Executive tahun 2019 dan 2020, Seminar Maya Antarabangsa Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam ke 4 pada 17 September 2020. Walaupun negara dilanda Pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, pendekatan virtual seminar dijalankan sepanjang 2020 telah mendapat penyertaan yang tinggi sekaligus petunjuk kepada ACIS adaptasi kaedah baru pengendalian seminar dengan inisiatif dan usaha padu para pensyarah yang terlibat. Penglibatan universiti dan industri dalam menjayakan penganjuran seminar tersebut amat baik antaranya Universiti Sultan Sharif Ali dalam INHAC 2019, LZS, MAIS, KUIS dan MACMA di dalam ICoM 2019. Manakala seminar ZAWFI 2019 melibatkan penganjuran bersama Akademi Zakat, Pusat Pungutan Zakat, dengan kerjasama College of Islamic Studies, Prince of Songkla University, Thailand, Institut Kajian Zakat Malaysia, Pusat Zakat, Wakaf dan Sedekah UiTM Shah Alam, Kelab Sukarelawan Zakat. Pada tahun 2020, ZAWFI 2020 sekali lagi mendapat penganjuran bersama Centre for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), UiTM Melaka dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment UPM, Philanthropy Research Group(UiTM Pulau Pinang), Ikatan Ahli Ekonomi Islam(IAEI), Institut Pertanian Bogor(IPB) dan Badan Amil Zakat Indonesia (BAZNAS) dengan kerjasama Permodalan Nasional Berhad, UDA Holdings Berhad dan NAMA Foundation.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.2.2 TAHAP\(Level\)_ACIS_AKNC.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.2.3 TREN \(Trend\)_ACIS_AKNC.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.2.4 PERBANDINGAN_TANDA ARAS \(Comparison_Benchmark\)_ACIS_AKNC.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.2.5 KEPENTINGAN \(Importance\)_ACIS_AKNC.pdf](#)